



Penglibatan masyarakat ke arah membasmi dadah penting

Oleh Dk. Fatimah PHMN

HKRAKAS. I Discinhei.
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteli Pengiran Anak Saleha beritah, f>eiig IiD; i l i i tnsarakai iiii negara tin adalah sangat peniing untuk berusaha mniljeiieias sc b a f a n g b r n i u k penyalahgunaan iladah.

[in dapat dilakukan dengan in cin iir 11 kan kesedaran kepada masyarakat di negara mi tentang bahaya-bahaya dadah dan juga pcnggunaan li a h a n b a l i a n y a n g m < n g k h a y a l k a n s e p e r t i menghidu gain, lith baginda ketika mcasmikan Mcsyuarai Agung Persatuan Membasmi Dadah i BASM IDA) di Siadiuin Negara I I a s s a r t a) Bolkiah di sini.

Kc arah itu b agin da l e r h a r a p , P e r s a t u a n I i A S M I D A akan sama-sama memikirkan dan h e r t a n g g u n g j a w a b c a r a e a r a y a n g b e i k e s a n k e a r a h n s a h a - u s a h a m e m h a s m i penyalahgunaan dadah dan p e n g g u n a a n h a h a n h a h a n y a n g m e n g k h a y a l k a n .

Scjurus selcpas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Baginda Raja Isteli Pengiran Anak Saleha berkenan menyampaikan hadiah-hadiah peraduan menulis esei dan melukis poster sena patterning tikei heriuah sempena pelanaian

Lihat muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah mengisytiharkan penyusunan semula Menteri-menteri Kabinet dan penubuhan sebuah kementerian baharu. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENGHANTAR PERUTUSAN TAHNIAH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Benazir Bhutto bersempena dengan pemilihannya sebagai Perdana Menteri Republik Islam Pakistan yang baru. Baginda berharap semoga hubungan baik yang sedia wujud antara kedua buah negara akan bertambah erat lagi bagi kepentingan bersama.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sheikh Zayed Ibn Sultan Al-Nahayyan, Presiden Emirates Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi bersempena dengan Hari Kebangsaan Emirates Arab Bersatu pada 2 Disember, 1988.

Sementara itu baginda juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand bersempena dengan hari ulangtahun keputeraan baginda yang ke-61 pada 5 Disember, 1988.

Penubuhan Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama

Membanyakkan hasil pengeluaran dari sumber utama negara — titah

TITAH PENUH
DI MUKA 2

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 November. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengumumkan penubuhan sebuah kementerian baharu iaitu Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama yang akan berkuatkuasa pada 1 Januari depan.

Penubuhan kementerian tersebut, titah baginda ialah demi untuk meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunan termasuk bidang perindustrian dan seterusnya bagi membanyakkan lagi hasil pengeluaran dari sumber-sumber utama negara khususnya dalam bidang pertanian, perhutanan, perikanan dan seumpamanya.

"M a k a l a n g k a h - l a n g k a h .
sena rancangan-rancangan ja diperlukan bagi jangka masa yang pendek, akan tetapi adalah mustahak supaya diadakan perancangan yang terperinci bagi jangka masa yang panjang.

Memandangkan keperluan perancangan yang dimaksudkan itu, maka baginda telah memikirkan adalah sesuai untuk mengadakan sedikit perubahan kepada susunan pentadbiran dalam kerajaan baginda yang ada sekarang sejajar dengan

hasrat baginda untuk menghalusi lagi jentera pentadbiran kerajaan yang diselarasakan dengan keadaan dan keperluan negara.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama yang akan beroperasi pada 1 Januari depan itu akan mengendalikan Jabatan-jabatan Pertanian, Perikanan, Perhutanan dan Unit Perindustrian.

Lihat muka 3

PETIKAN TITAH

M S DALAM usaha untuk mempcibagaikan ekonomi Ww negara, khususnya ke arah pertumbuhan Industri, kerajaan telah pun berjaya mengenalpasti 25 buah kawasan perindustrian di seluruh negara dan melaluskan beberapa projek perindustrian. Pencapaian perindustrian di negara ini adalah penting bagi pihak kerajaan dan swasta menampakan perhatian untuk mengenalpasti bidang industri Y''g || boleh diungkayahkan di negara ini. # J

Dititahkan di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena ulangtahun ke-42 tahun hari keputeraan baginda yang dilangsungkan di Balai Singgahsana, Isiana Nurul Iman pada 15 Julai, 1988.

MANISNYA IMAN

"DAN apakah pertolongan yang da pat riiberi kepadanya oleh hartanya apabila ia telah terjerumus ke dalam azab siksa hari akhirat?" - Maksud Surah Al-Lail ayat 11.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

7 DISEMBER, 1988

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

MENUJU ERA PERINDUSTRIAN

MENYEDARI hasil minyak yang selama ini telah dapat membiayai perbelanjaan pembangunan dan kemajuan negara akan habis di suatu hari nanti, maka usaha-usaha untuk terus mengukuhkan ekonomi negara ini perlu diungkahkahkan secepat mungkin dengan mempelbagaikan ekonomi dan seterusnya mengurangkan pergantungan ke atas hasil minyak.

Kita bukan saja sepatutnya bimbang yang telaga-telaga minyak yang mengalir di perut bumi negara ini akan kering di suatu masa nanti, tetapi juga terhadap kemerosotan pendapatan kerana kejatuhan harga minyak di pasaran dunia dewasa ini. Keadaan ini turut menjejaskan hasil eksport negara kita yang mana pada tahun 1987 telah jatuh ke paras 2.07 bilion dolar dari kemuncaknya 4.90 bilion dolar Amerika pada tahun 1980.

Namun demikian, kejatuhan harga minyak tersebut tidak pula menjejaskan rancangan pembangunan negara yang ada sekarang. Tetapi keadaan tersebut sudah cukup untuk kita jadikan sebagai ingatan bahawa sumber minyak yang menjadi sumber utama negara kita selama ini tidak akan selamanya boleh menampung keperluan kita. Kini sudah tiba masanya untuk kita mencari pengganti dan memajukan bidang industri dari sumber-sumber lain.

Dalam usaha menuju era perindustrian, Negara Brunei Darussalam masih bergantung kepada kekayaan hasil buminya, khususnya sektor pertanian, perhutanan dan perikanan. Sektor-sektor tersebut telah terbukti mendatangkan pendapatan lumayan di negara-negara lain.

Negara kita memang mempunyai potensi yang baik dalam sektor-sektor tersebut, tetapi ianya perlu diperkembangkan lagi melalui perancangan yang teratur dan rapi. Usaha-usaha ke arah ini bukan saja diperiukan bagi jangka masa yang pendek, akan tetapi adalah mustahak supaya diadakan perancangan yang terperinci bagi jangka masa yang panjang.

Memandangkan keperluan yang sedemikian itu, kerajaan telah menubuhkan sebuah kementerian baharu yang dinamakan Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama yang akan mengendalikan Jabatan-jabatan Pertanian, Perikanan, Perhutanan dan Unit Perindustrian yang dulunya di bawah Kementerian Pembangunan.

Penubuhan kementerian baru ini diumumkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda baru-baru ini.

Ini menandakan betapa pentingnya bidang industri terutamanya dari sumber-sumber utama yang ada di negara ini yang tujuannya bukan saja untuk mengukuhkan ekonomi negara tetapi juga untuk memberikan mata pencarian kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Setakat ini kita telah mempunyai kompleks industri ringan di Beribi. Dan banyak lagi kawasan-kawasan lain yang telah dikenai potensi mempunyai potensi yang baik akan dibuka bagi memberi peluang kepada bumiputera berkecimpung dengan lebih aktif dan berkesan dalam berbagai perusahaan.

Kini dengan wujudnya Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama ini, kita berkeyakinan bukan saja akan dapat mengembangkan dan memajukan bidang industri, tetapi juga akan dapat mengukuhkan projek-projek tertentu yang boleh mengurangkan import barang-barang keperluan yang bersumberkan pertanian seperti beras, buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan untuk memenuhi hasrat mencukupi keperluan sendiri dan seterusnya untuk dieksport. Demikian juga hasil tangkapan ikan kita belum mencapai tahap mencukupi keperluan sendiri. Ke arah ini nelayan-nelayan kita perlu menggunakan kaedah penangkapan ikan yang sofistikated. Hasil tangkapan ikan itu nanti bukan saja untuk jualan di pasar, tetapi juga sebahagiannya untuk diproses dijadikan bahan-bahan makanan yang lain.

Sektor perhutanan juga memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara. Sepatutnya kita bukan saja mengeksport hasil kayu-kayuan, tetapi juga memproses dan menggunakan secara optima hasil tersebut. Sudah tiba masanya kita mempunyai kilang-kilang perabot dan peralatan rumah sendiri yang boleh mengeluarkan hasil yang baik bagi mengelakkan import yang berterusan terhadap barang-barang tersebut.

Inilah antara lain matlamat perindustrian negara, mengembangkan, meningkatkan penghasilan dan seterusnya memajukan sumber-sumber utama ke peringkat industri untuk memenuhi keperluan sendiri dan seterusnya untuk dieksport sebagai salah satu sumber pendapatan negara yang penting demi kesejahteraan rakyat.

Bismillahir Rah-
manir Rahim

Assala mualai kum Warah-
matullahi Wabarkatuh.

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subliha hu Wataala, seru sekalian alam, selawat sena salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallaallahu Alaihi Wasallam dan ke atas keluarga, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman,

Dalam ucapan beta pada mengisytiharkan penyusunan semula pentadbiran kerajaan beta lebih dua tahun yang lalu, yakni, dalam bulan Oktober 1986, beta telah menyatakan bahawa penyusunan pentadbiran negara akan diperbaiki dan dihalusi lagi dari seinasa ke seniasa dan diselaraskan dengan keadaan dan keperluan negara.

Sejajar dengan hasrat beta untuk menghalusi lagi jentera pentadbiran kerajaan beta, dan demi untuk meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunan termasuk bidang perindustrian, dan seterusnya bagi membanyakkan lagi hasil pengeluaran dari sumber-sumber utama negara ini, khususnya dalam bidang pertanian, perhutanan, perikanan dan seumpamanya, maka langkah-langkahserta rancangan-rancangan yang teratur dan rapi di bidang* bidang yang beta nyatakan ini, perlu dipergiatkan dan tanggungjawab mengenainya diperkembangkan lagi. Usaha-usaha ke arah ini bukan sahaja diperiukan bagi jangka masa yang pendek, akan tetapi adalah mustahak supaya diadakan perancangan yang terperinci bagi jangka masa yang panjang. Memandangkan keperluan perancangan yang dimaksudkan itu, maka beta telah memikirkan adalah sesuai untuk mengadakan sedikit perubahan kepada susunan pentadbiran dalam kerajaan beta yang ada sekarang.

Sehubungan dengan ini, beta sukacita menubuhkan satu kementerian baharu yang akan mengendalikan sebilangan dari jabatan-jabatan yang sekarang di bawah Kementerian Pembangunan.

Kementerian baharu yang beta maksudkan itu ialah: Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama (Ministry of Industry and Primary Resources) yang akan mengendalikan jabatan-jabatan:—

Pertanian; Perikanan; Perhutanan dan Unit Perindustrian.

Untuk mengisikan jawatan yang baharu itu, beta sukacita melantik Yang Berhormat Pehin orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Awang Mohammed Taib, yang selama ini menyandang jawatan Menteri Pelajaran, menjadi Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.

Dengan adanya perubahan ini, maka Kementerian Pembangunan akan terus mengendalikan jabatan-jabatan yang berikut:—

Kerja Raya; Perkhidmatan Elektrik; Kemajuan Perumahan; Perancang Bandar dan Desa; Tanah;

Usaha pembangunan termasuk bidang perindustrian akan ditingkatkan—titah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah mengisytiharkan penyusunan semula Menteri-menteri Kabinet dan penubuhan sebuah kementerian baru yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 30 November, 1988.

Ukur dan Unit Perancangan dan Penyelidikan Pembinaan.

Menteri Pembangunan yang ada sekarang iaitu Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, akan terus menawat jawatan selaku Menteri Pembangunan.

Bagi mengisikan jawatan Menteri Pelajaran pula, beta sukacita supaya jawatan tersebut diisikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, yang selama ini menyandang jawatan Menteri Perhubungan.

Berikutan dengan pertukaran dua orang menteri ini, maka beta ingin untuk melantik seorang menteri yang baharu untuk menjadi Menteri Perhubungan.

Beta sukacita melantik Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji Awang Sulaiman, yang selama ini menyandang jawatan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, menjadi Menteri Perhubungan.

halan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. Dan Datu Paduka Haji Awang Selama! Inn (Ijt Mun.ip. yang selama MM in en j i l i l i n t i l i n Menteri Pembangunan, dipindah ke Kementei 1,111 Kehudavaan, Bella dan Sukan untuk menjadi Timbalan Menteri Kebudayaan, Be Ha dan Sukan.

Perubahan perubaha H yang beta in.ksudk,u1 ini akan bei).ilui ku.it ku.i--jin.i UMILM awal tahun Itadap.in. v.ikti, pada 1 haiibulan jatiu.tii IMS* d.m mill.n d.ni t.tiikii te i se I H I s u M I n a n k e i n e I t e i i . i i i k e m e I I e I I , I I I 11.11.1 III kerajaan bet . i . i l i l a h s e * j * » * r t i bei ikut

Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Pertahanan; Kementerian Hal l Ins.t.l Luar Negeri; Kementerian Kewangan; Keineuierian Hal Khwal Dalam Negrri; Kementerian Pelajarun; Kemeuici.i.iii I i i d a n g u n d a n g ; K e i n c n t v r i a n Perindusirian dan Sumber-s u i l l D e r I i a i n i ; K e u u n t e r i i n I L i l I h w a l U g a m a ; K e m e n t e r i a n P e m b a n g u n a n ; K e m e n t e r i a n K e b . u d a y a a n . B c l i a d a n S u k a n ; K e m e n t e r i a n K e s i h a i a n d a n K e m e n t e r i a n P e r h u b u n g a n .

Bei.i bei haraji perubahan-perubahan yang dibual mi akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan kelicinan jentera pentadbiran dalam kerajaan beta, yang mana matiamat yang dihajati ialah satu pentadbiran yang (ek.qi. bersih amanah lagi jujur deim untuk kehaikan dan kemakmuan Negara Brunei DaruBsalam serta kesc-jahleraan rakyat dan pendudukny; insva-Allah.

Sekian Wabillahl Taufiq W.i I Hidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Waba rakatuh.

SEJAJAR dengan hasrat beta untuk menghalusi lagi jentera pentadbiran kerajaan beta, dan demi untuk meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunan termasuk bidang perindustrian, dan seterusnya bagi membanyakkan lagi basil pengeluaran dari sumber-sumber utama negara ini, khususnya dalam bidang pertanian, perhutanan, perikanan dan seumpamanya, maka langkah-langkah serta rancangan-rancangan yang teratur dan rapi di hidang-hidang yang beta nyatakan ini, perlu dipergiatkan dan tanggungjawab mengenainya diperkembangkan lagi. Usaha-usaha ke arah ini bukan sahaja diperiukan bagi jangka masa yang pendek, akan tetapi adalah mustahak supaya diadakan perancangan yang terperinci bagi jangka masa yang panjang. Memandangkan keperluan perancangan yang dimaksudkan itu, maka beta telah memikirkan adalah sesuai untuk mengadakan sedikit perubahan kepada susunan pentadbiran dalam kerajaan beta yang ada sekarang.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Hiji Awang Abdul Aziz dipindahkan ke Kementerian Pelajaran bag) mengisikan jawatan Menteri Pelajaran.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dilantik sebagai Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.



YANG Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit diteruskan men-
jawab jawatan Menteri Pembangunan.



YANG Mulia; Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria Un Datu Mahawangsa Haji Awang Sultman dilantik selaku Menteri Perhubungan.

Penyusunan semula Menteri-menteri Kabinet

Dari muka I

Untuk mengisikan jawatan yang baharu itu, baginda sukacita melantik Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, yang selama ini menyandang jawatan Menteri Pelajaran menjadi Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.

Dengan perubahan tersebut, titah baginda, maka Kementerian Pembangunan akan terus mengendalikan Jabatan-jabatan Kerja Raya, Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Perancang Bandar dan Desa, Tanah, Ukur dan Unit Perancangan dan Penyelidikan Pembinaan. Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Uaila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit akan terus men-
jawab jawatan selaku Menteri Pem-
angunan.

Bagi mengisikan jawatan Menteri Pelajaran, baginda sukacita supaya jawatan tersebut diisikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, yang selama ini menyandang jawatan Menteri Per-
hubungan.

Berikutan dengan per-
tukaran dua orang menteri
tersebut, baginda sukacita
melantik Yang Mulia Dato
Seri Laila Jasa Awang Haji
Zakaria bin Datu Maha-
wangsa Haji Awang Sulaiman
yang kini menyandang
jawatan Timbalan Menteri
Hal Ehwal Luar Negeri men-
jadi Menteri Perhubungan.

Bagi mengisikan jawatan
Timbalan Menteri Hal Ehwal
Luar Negeri pula, baginda
sukacita supaya Yang Mulia
Dato Paduka Haji Awang
Mohd. Ali bin Haji Mohd.
Daud, Timbalan Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan
dipindahkan ke kementerian
tersebut.

Sementara Yang Mulia
Dato Paduka Haji Awang
Selamat bin Haji Munap,
Timbalan Menteri Pem-
angunan dipindah ke
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan untuk men-

jadi Timbalan Menteri
Kebudayaan, Belia dan
Sukan.

"Beta berharap perubahan-
perubahan yang dibuat ini
akan dapat meningkatkan
lagi mutu perkhidmatan dan
kelicinan jentera pentadbiran
dalam kerajaan beta yang
mana matiamat yang dihajati
ialah satu pentadbiran yang
cekap, bersih, amanah lagi ju-
jur demi untuk kebaikan dan
kemakmuran Negara Brunei
Darussalam serta kese-
jahteraan rakyat dan pen-
duduknya, insya-Allah," titah
baginda.

Maka dengan perubahan

ini mulai dari 1 Januari 1989
susunan kementerian-kemen-
terian dalam kerajaan bagin-
da ialah Jabatan Perdana
Menteri; Kementerian Per-
tahanan; Kementerian Hal
Ehwal Luar Negeri; Kement-
erian Kewangan; Kement-
erian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian
Pelajaran; Kementerian
Undang-undang; Kement-
erian Perindustrian dan
Sumber-sumber Utama; Kementerian Hal Ehwal
Agama; Kementerian Pem-
angunan; Kementerian
Kebudayaan, Belia dan
Sukan; Kementerian Kesi-
hatan dan Kementerian
Perhubungan.

Lantikan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam telah mengurniakan titah bagi Dato Paduka
Malai AH bin Malai Haji Othman, yang selama ini menjadi
Setiausaha Tetap (Teknikal) Kementerian Pembangunan,
dipindahkan ke kementerian baharu iaitu Kementerian Perin-
dustrian dan Sumber-sumber Utama untuk menjadi Setiausaha
Tetap kementerian tersebut mulai dari 1 Januari, 1989.

Berikutan dengan pemindahan Dato Paduka Malai Ali itu,
maka baginda telah menitahkan supaya Dato Seri Laila Jasa
Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, yang selama ini men-
nyandang jawatan Setiausaha Tetap (Pentadbiran).
Kementerian Pembangunan, diteruskan menjadi Setiausaha
Tetap kementerian tersebut.



DATO Paduka Malai Ali dipin-
dahkan bagi manjawab
Setiausaha Tetap Kementerian
Perindustrian dan Sumber-
sumber Utama.



DATO Seri Laila Jasa Awang Haji
Mohd. Salleh diteruskan menjadi
Setiausaha Tetap Kementerian
Pembangunan.

Sistem letak kereta berbayar diperkenal di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas

HULA IE, -1 Disember.
Rementerian Perhubungan
melalui Jahatan Penerbangan
Awam (Iengan limpah
perken.in Kebawah Duli Vang
Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-
Peini.in Negara Biunei
Darussalam sedang mengatui
satu sislem lelak kereta her-
kawasan yang melitahkan
dengan bangunan Lapangan
Perbang Antarabangsa
Berakas yang boleh menanv
pung 280 buah tempat letak
kereta.

Menteri Perhubungan.

Oleh Abd. Karim HAB

Vang Berhormat Pehin Orang
Kivi Laila Wijaya Dato Sen
Setia Haji Awang Abdul Aziz
keiika mengumumkan
perkara itu di Musahagah
Tilawatil Quran Jabatan-
labatan di bawah
Kementerian Perhubungan di
Pusat Dakwah Islamiah di
sini, sistem itu akan
dimulakan pada 1 Januari
1989.


Dalam pada itu, Vang
Berhormat berkata, tempat

letak kereta yang sedikit jauh
yang boleh menampung lebih
1.000 buah kereta akan terus
digunakan secara percuma.

"Dengan cara ini, kita
penuh yakin sistem letak
kereta berbayar ini, insya-
Allah akan dapat menghinda-
rkan mereka yang lazim
meletakkan terus-menerus
dan oleh yang demikian,
memberikan keselesaan
kepada penumpang-pe-
numpang dan pengguna-
pengguna lain yang mem-
erlukan tempat letak kereta
terutama sekali mereka yang
bercepat-cepatan," tegas
Yang Berhormat.

Kepada semua anggota dan
kakitangan Kementerian
Perhubungan terutama yang
menjalankan tugas masing-
masing di keenam-enam buah
jabatan di bawah kement-
erian itu, Yang Berhormat
merekodkan penghargaan
atas usaha gigih mereka
menyempurnakan tugas yang
dipastikan menurut per-
ingkat masing-masing.

"Saya harap kegigihan
seperti ini akan terus dapat
dipelihara dan ditingkatkan
dari masa ke semasa menurut
keperluan dan keupayaan kita
sebagai salah sebuah kement-
erian yang berusaha untuk
memberikan perkhidmatan
untuk kesejahteraan rakyat dan
penduduk negara ini," kata
Yang Berhormat,



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang
Haji Ahmad menyampaikan plala pusingan kepada Johan qariah,
Dayang Nooraini binti Hamdi dari Jabatan Pelabuhan. — Gambar oleh
Pg. Haji Yaakub PMHH.


P'jaya Tinggi Australia adakan kunjungan muhibah

BANDAR SERI BEGAWAN. - Duli Vang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Hirnmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kunjungan muhibah Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam. Tuan Vang Terutama Tuan Philip Moulton Knight.

Duli Vang Teramat Mulia beikeuan menerima kunjungan muhibah PeMimhjaya 1 inggi Australia itu di pejabat Duli Vang Teramat Mulia di Kemciuerian Hal Ehwal Luar Negeri di jalan Subok di sini.

Tuan Vang Terutama Tuan Philip Moulton Knight berada di negara ini sejak bulan Oktober lepas bagi menggantikan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini yang telah menamatkan perkhidmatannya di negara ini. Tuan Vang Terutama Tuan McCartney Starey.

Sebelum benugas di sini Tuan Vang Terutama Tuan Philip Moulton Knight pernah bertugas di Brussels, Saigon, Bangkok, Malaysia, Moscow, Hanoi dan Jakarta.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Hirnmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima kunjungan muhibah, Tuan Yang Terutama Tuan Philip Moulton Knight, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Angka tunjuk

BANDAR SERI BKGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-harang Pengguna bagi bulan Oktolxer 19HH ialah 153.6 mat a dan ini hanyalah 0.2 peratus lebih tinggi dari angka tunjuk bagi bulan September 1988. Beihanding dengan angka tunjuk bagi bulan Oktober 1987, angka tunjuk bagi bulan yang dilapoikan adalah 1,5 peratus lebih tinggi.

Jika dibandingkan dengan bulan sebelumnya, ada terdapat sedikit kenaikan angka-angka tunjuk bagi kumpulan-kumpulan "makanan", "alai-iliiit pei abut, pet biasan-peihiasan dan alai alat kelengkapan rumah tangga serta peinasanganuv.t'' dan "permainan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan". Angka angka tun-ink kumpulan-kumpulan lain adalah .idak beibubah,

Kenaikan angka tunjuk kumpulan "makanan" adalah disebabkan oleh kenaikan a n g k a a n g k a t u n j u k kumpulan kumpulan kci d "ikan" i.uuu ikan hidup teug-ni. bekalang. I i k u l . m . bilis dan I . u n b a n I dan u d . i n g dan lain-lain hasil l.uu, basah (u d . i n g b r s a l dan u d . i n g k n i l l dan "sayui savurati dan hasil -avur sayuian" iaitu savin . i . i i i . i i i s r g a i t s a w i p u i i b . bunga kohis, kaeang panjang, iomatti dan t i i m a i i .

Kc i i a i k . i i l l - i n g k . i i u i i i l i k kumpulan . d u . i i i t p e l a b o l p e i h i a s a n p e i h i a s a n dan . d u . a l a i k e l e n g k a p a n r u m a h t a n g g a s e r t a p e m a s a n g a n n y a ' adalah disebabkan oleh kenaikan angka tunjuk k u m p u l a n k < l l " p e r k a k a s p e r k a k a s p e m a n a s a t a u m e m a s a k " .

Makluman

BANDAR SERI HIGAWAN. — Dimaklumkan kepada semua pcnrhaea dan ahli-ahli Perpustakaan Bergerak Dew an Bahasa dan Pustaka bahawa sepanjang cuti persekolahan mulai 17 hmga 31 Disember 1988. Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak di h e n t i k a n h u a i s e m e n t a r a . Perkhidmatan akan dibuka semula sebaik-baik sahaja s c k o l a h dimulakan pada 2 f a n u a r i 1989.

Tunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak buah

TL/TONG. 1 Disember - Penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang diseru supaya mengingati akan kepercayaan dan amanah yang diberikan kepada mereka serta tugas dan tanggungjawab yang diletakkan di atas bahu mereka oleh Kerajaan Kebawah Duli Vang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Vang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan melaksanakan dengan jujur, amanah serta penuh tanggungjawab di samping menunjukkan contoh-contoh teladan yang baik kepada anak buah masing-masing.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mcm-buat seruan tersebut di majlis perjumpaan ramah mesra dengan penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang daerah itu di Bilik Persidangan Jabatan Bandaran di sini, pada hari Khamis lepas.

Di samping itu, Yang Berhormat meminta mereka menunjukkan sikap bersedia untuk mengepalai segala kerja-kerja berkebakikan, mengamalkan sikap terbuka kepada anak buah kampung dengan sering mengadakan perjumpaan dan permuza-karahan.

Yang Beihormat seterusnya meminta rmreka supaya tidak ragu-ragu m r m b T i k a n t c g u r a n kepada anak buah mereka terhadap perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan cara hidup dan adat resam orang-orang Brunei seperti penyalahgunaan dadah, merosakkan hart a benda awam dan pencemaran alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menggesa mereka supaya sentiasa bermuafakat serta bertukar-

Oleh Dk. Saidah POA

tukar fikiran dan pendapat sesama sendiri di dalam menghadapi apa jua masalah anak buah kampung dan masyarakat setempat.

"Dengan adanya per-muafakatan di kalangan mereka akan memudahkan di dalam mencari penyelesaian ke atas masalah yang dihadapi oleh anak buah di mukim dan kampung masing-masing di samping itu setiap perkara ataupun masalah yang dihadapi kepada Kerajaan Kebawah Duli Vang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negarn Brunei Draussalam itu merupakan sebagai satu masalah yang padu dan tidak berulang-ulang dihadapkan," demikian tambah Yang Berhormat.

Vang Berhormat menyeru mereka supaya melaporkan kepada pihak berwajib jika ternampak anasir-anasir yang cuba mengancam keselamatan dan ketenteraman mukim-mukim dan kampung-kampung mereka seperti penjenayah-penjenayah atau orang-orang yang disyaki tingkah-laku mereka, termasuk juga kehadiran pendatang-ni-ndatang haram di mukim dan kampung mereka sama ada yang masuk secara persendirian ataupun yang dibaw?. masuk oleh anak buah mukim dan kampung.

Yang Berhormat meminta mereka supaya menjayakan Kempen Kebersihan Alam Sekitar Kebangsaan yang Hiitngkayahkan oieh Remen-terian Hal Finwai Dalam Negeri s < n a n i e n i b e r i k a n sokongan yang penuh dengan mengepalai dari masa ke semasa anak buah rnasing, masing untuk membersihkan kawasan-kawasan mukim dan kampung serta mengambil langkah-langkah untuk men-eantikkan lagi pemandangan di sekelilingnya.

Oleh yang demikian Yang Berhormat berharap amalan menjaga kebersihan mukim-mukim dan kampung-kampung akan menjadi satu



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedang menyampaikan ucapan beliau di majlis perjumpaan pada hari itu.

cara hidup di kalangan penduduk-penduduk di mukim-mukim serta rumah-rumah panjang.

Turut sama hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin serta pegawai-pegawai kerajaan.

Di majlis tersebut Yang Berhormat dan rombongan berkesempatan melawat ke jabatan kerajaan di daerah itu dan ke kawasan Projek Pcrumahan Negaia Kampong Bukit Beruang daerah itu.

Kciuasan projek perumahan negara kampung itu ialah 474 hektar di mana pe-vingkat pertama sebanyak 42 buah rumah hampir siap dibina sementara peringkat kedua sebanyak 58 buah rumah 2A dan 47 buah H3 masih dalam pembiriaan bagi tahun 1980.

Sebanyak 40 buah H4 dan 44 buah H5 lagi masih dalam pembinaan bagi tahun 1985. Anggaran penggunaan tanah

bagi kawasan perumahan ialah 150 hektar.

Antara kemudahan • kemudahan yang akan dibina di projek perumahan negara itu ialah perhentian bas dan

tcksi, masjid, pejabat pos, pusat kesihatan, balai polis, khutub khanah, balai bomba, pusat kawalan telefon, depot bandaran, taman didikan kanak-kanak dan sekolah agama.



KELIHATAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan rombongan sedang beramah-mesra dengan pegawai-pegawai kanan kerajaan Daerah Tutong.

Tiga lapisan masyarakat yang patut dihormati

MANUSIA hidup di dunia ini tidak dapat berdiri sendiri, melainkan saling memerlukan antara satu sama lain. Tegasnya bahawa diri peribadi individu itu adalah bahagian yang tidak terpisah dari masyarakat dan sebagai anggota yang tidak terpisah dari bangsa itu sendiri.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala tidak menciptakan manusia untuk berpisah-pisah dan membezakan antara satu sama lain, tetapi Allah telah menyariatkan satu agama bagi manusia iaitu agama Islam yang maha suci. Allah mengutus Nabi-nabi dan Rasul-rasul secara berturut-turut untuk membimbing manusia seluruhnya dalam satu jalan. Tetapi hawa nafsu selalu menggoda dan mendorong manusia untuk melupakan perintah Allah, sehingga mengakibatkan terjadinya perpecahan dan saling hancur-menghancurkan antara satu sama lain. Allah Subhanahu Wataala telah menjelaskan di dalam Ah Quran Al-Karim bahawa membawa kesesatan. Dan kesesatan itu merupakan unsur penyebab terjadinya perpecahan. Dari itu sebagai anggota masyarakat Islam yang menginginkan ketenangan dan perdamaian, kita mestilah menghindari sebarang bentuk perbuatan yang boleh membawa kepada terjadinya perpecahan.

Agama Islam menyeru dan mengajak kaum Muslimin, supaya bergaul sesama mereka. Kerana dengan pergaulan, kita dapat saling berhubung mengadakan pendekatan satu sama lain, sambil itu pula kita dapat mencapai sesuatu yang berguna untuk kemaslahatan masyarakat yang dilandasi dengan akhlak-akhlak yang mulia. Sudah setentunya lah pergaulan yang dimaksudkan adalah yang menurut norma-norma masyarakat yang tidak bertentangan dengan hukum syarak. Islam adalah agama yang berlandaskan persatuan dan kasih sayang. Kecenderungan untuk saling mengenal di antara sesama manusia dalam hidup dan kehidupannya, merupakan ajaran Islam yang sangat ditekan. Islam bukan agama yang didasarkan pada hubungan liar yang tidak mengenal batas, tetapi Islam mempunyai garis pandu kehidupan yang konkrit dalam batas-batas hidup bermasyarakat. Oleh kerana itu Islam menganjurkan kepada umatnya supaya mengamalkan sifat hormat-menghormati antara satu sama lain, ikhlas dalam pergaulan serta sabar menghadapi sebarang gangguan yang didatangkan oleh anggota masyarakat.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Turmizi,

Menuju Keredaan Allah

KELOLAAN PUSAT DAKWAH ISLAMIAH

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang kira-kira bermaksud: "Seorang mukim yang bergaul dengan orang ramai serta bersabar atas segala gangguan mereka adalah lebih baik daripada seorang muhmin yang tidak mengadakan pergaulan dengan orang ramai serta tidak pula bersabar atas segala gangguan-gangguan mereka."

Secara kasar ada tiga lapisan masyarakat yang patut kita hormati dan muliakan dengan sewajarnya:

Pertama: Mereka yang umumnya lebih tua daripada kita, atau yang lebih banyak ilmunya atau banyak ibadahnya.

Kedua: Mereka yang umurnya sama dengan kita, kerana mungkin mereka lebih tinggi akhlaknya, amal ibadahnya lebih banyak dan dosanya lebih sedikit daripada kita. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang kira-kira bermaksud: "Gaulilah orang ramai dengan cara yang kamu suka mereka mengaulimu."

Ketiga: Mereka yang lebih muda umumnya daripada kita. Golongan ini harus kita hormati kerana mereka lebih muda dan lebih kurang keburukannya dibandingkan dengan kita yang sudah lanjut umur.

Apabila kita menjumpai orang-orang yang bergejiliman dengan dosa, janganlah kita memperbesarkan diri terhadap mereka, kerana walaupun kita sekarang dalam keadaan baik dan sempurna, belum tentu kita akan memperoleh 'Husnul Khatimah' (kesudahan yang baik). Mungkin di saat-saat akhir kita menjadi orang yang buruk (Na'uzu billahi min zalik) sedang yang kita pandang penuh dengan dosa, akhirnya menjadi orang yang baik.

Tegasnya hendaklah kita memandang kepada sesiapa saja dengan pandangan kehormatan dan kita hadapi mereka dengan muka yang jernih, walaupun orang yang kita hadapi itu musuh sekalipun. Dan hendaklah kita berlaku tenang dalam menghadapi apajua keadaan.

WARAK TIDAK BERG AIMTU IMG KEPADA KELAKUAN ATAU AMAL IBADAT TERTENTU

MARILAH kita mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan taat melaksanakan segala perintah-Nya dan berusaha menjauhkan diri kita dari segala yang dilarang-Nya.

Di zaman kita menegakkan dan mempertahankan keagungan agama Islam kadang-kadang tidak terlintas di fikiran kita bahawa terdapat bibit-bibit atau cin-cin tidak ketara yang boleh mengelirukan fahaman kita dengan apa yang bersangkutan mengenai agama. Satu perkataan yang banyak mendatangkan persoalan ialah perkataan warak. Apakah yang dikatakan warak itu? Dalam pereakapan sehari-hari kita boleh fahamkan pengertian warak itu dengan bermacam-macam makna. Ada setengah orang memikirkan bahawa warak itu ialah tunduk-tunduk waktu berjalan. Ada secengahnya memikirkan warak itu diam membisu atau tak banyak bercakap. Ada pula yang memikirkan warak itu tidak melepaskan buah tasbih daripada genggam tangan dan berbagai-bagai lagi.

Dengan adanya bermacam-macam pengertian warak itu maka didapati orang-orang yang hendak menjadi warak maka ia pun duduklah sahaja di masjid-masjid, dengan tidak pulang ke rumah lalu menyerahkan tanggungjawab mengenai anak-anak atau sebagainya di hawah kelolaan keluarga atau isterinya. Dia merasa bangga dengan sikap demikian itu sebaliknya dia tidak menyiksa bahawa perbuatannya itu tidak disukai oleh agama.

Ada pula setengah orang, oleh kerana ingin hendak menjadi orang warak maka ia memencilkan dirinya dari hidup bermasyarakat lalu pergi ke gunung atau ke hutan. Di sana mereka beribadat tidak berhenti-henti ben apa berbulan-bulan sehingga sampai menyiksa diri sendiri yang mana perbuatan itu tidak digemari oleh syarak.

Setengah yang lain pula berlagak menjadi orang warak dengan jalan memakai pakaian yang tertentu kononnya mahu mengikut sunah Nabi, perbuatan itu adalah baik dan memang digalakkan oleh agama. Tetapi dalam pada itu ia mengumpat-umpat akan orang yang tidak suka memakai pakaian sepertiinya.

Padahal warak yang sebenarnya tidak bergantung sama sekali dan tidak ada kena rnenгена langsung dengan tesyen-fesyen pakaian yang tertentu, kelakuan yang tertentu atau amal ibadat yang tertentu. Dalam hal ini Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri ada memberikan ingatan kepada umatnya bahawa keimanan dan kewarakan seseorang itu bukan terletak pada zahimya, tetapi di dalam hatinya iaitu sebagaimana sabda Baginda iaitu hadis daripada Abi Hurairah yang bermaksud:

"Telah bersabda Rasulullah Alaihi Wasallam bahawa: "Allah tidak melihat kepada tubuh badan hamu dan kepada rupa bentuk kamu akan tetapi Dia melihat kepada hati-hati kamu," dan Baginda menunjukkan dengan jari-jari Baginda ke dada Baginda."

Allah ada berfirman di dalam Al-Quran Surah Al-An'am ayat 82 yang maksudnya kira-kira:

"Orang-orang beriman dan tiada mencampurkan imannya dengan keinyayaan, mereka itu beroleh ketenteraman dan dikurniakan petunjuk."

Dari ayat di atas adalah dapat menjelaskan kepada kita akan maksud orang-orang yang beriman yang ber'ifac warak, iaitu orang-orang yang dapat menjalankan segala kewajipannya dengan penuh tanggungjawab, bersih makan minumnya daripada segala sesuatu yang haram dan subahat, patuh kepada kehendak-kehendak yang diarahkan oleh agama, sedia menjaga kehormatan diri dan peribadi sebagai orang yang beriman serta setia menjalankan tugas-tugas sama ada yang mengenai dirinya sendiri atau keluarganya dengan sempurna.



Pemah pada suatu malam Sayidina lin.u salah seorang khalifah Islam yang terkenal warak, didatangi oleh sili seorang sahabat mengenai urusan orang ramai. Maka Sayidina Umar melayan sahahat itu dengan layanan yang sepertiinya, serta niemasangkan lampu untuk iitui yang dihormati itu. tetapi sampai ke suatu penugk.it pereakapan. Sayidina Umar terus memadamkan lampu. Tmm itu bertanya kepada Savidina Umar, mengapa pula lampu itu dipadamkan. Savidina Umar menjawab bahawa "Lampu itu dan minyak lampu itu adalah kepunyaan orang ramai (kepunxaun rak'at I Tadi tuan berbmcang dengan saya mengenai urusan rakxat maka lax a k l a h lam pu itu dtpasangkan untuk tuan Tetapi apabila tuan berulih memperkatkan urusan peribadi maka tmlaklah laxak lagi lampu itu dinxalukan untuk tuan " Demikianlah sedikit gambaran bagaimana hendak menjadi seorang yang warak.

Annukman bin Basvir Radhia11ahu Anhu te1ah meriwayatkan suatu hadis. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam yang ertinya kira-kira:

"Bahawasax't perkara halal itu terang nyata dan bahawasanya perkara haram itu pun terang dan nyata dan di antara halai dan haram itu ada beberapa kesamaran (subahat t maka harangsiupu da f Hit mengelakkan dm daripada perkara subahat (perkara yang samar-samar tentang halal atau haram) itu sudahlah seseorang itu dapat mengawal agamanya dan kehormatan dirinya "

Demikianlah sebagai renungan kita bersama semoga Allah mengurniakan kepada kita hidayah dan taufik pada memahami dan menjalankan kehendak-kehendak agama-Nya dengan betul dan sempurna memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 7 Disember hingga ke hari Selasa 13 Disember 1988 adalah seperti di hawah ini :-

DARI BULAN	7.UHUR		ASAR		MA GHR1B		IS YA K		IMS A K	si/Bun		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Be rah fur	Mulai	Berakhir		Mulai	Brrakhir	
Disember												
7	12.14	3.34	3.35	6.06	6.07	7.21	7.22	5.01	4.47	5.02	6.15	6.11)
8	12.14	3.34	3.35	6.07	6.08	7.21	7.22	5.01	4.47	5.02	6.16	6.17
9	12.15	3.35	3.36	6.07	6.08	7.22	7.23	5.02	4.48	5.03	6.16	6.17
10	12.15	3.35	3.36	6.08	6.09	7.22	7.23	5.02	4.48	5.03	6.17	6.18
11	12.16	3.36	3.37	6.08	6.09	7.23	7.24	5.03	4.49	5.04	6.17	6.18
12	12.16	3.36	3.37	6.08	6.09	7.23	7.24	5.03	4.49	5.04	6.18	6.19
13	12.17	3.36	3.37	6.09	6.10	7.24	7.25	5.04	4.50	5.05	6.18	6.19

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang Fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 Lengah hari.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain sedang menyampaikan ceramah agama di masjid Pekan Seria (kiri).

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain sedang menyampaikan hadiah penghargaan kepada salah seorang penyumbang yang menayakan majlis sambutan perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun ini (bawah).



Oleh Dk. Saidah POA

Gambar-gambar oleh Halim Sulaiman

Jangan sampai kekayaan lalaikan kita ORANG ISLAM DIGALAK MEMPERKUAT EKONOMI

KIWI A III-I A I I. 26
Novrmbel. Yang l'irrho.i
iii.ii Ivlnn Orang Kaya K.tin.i
I>iraja I>ato Seii IItama I)i.
l\t.i/ Il.ij] Awang Mohd, Zam
Inn Ilip Scrudlin, Menteri

Il'al F.hwal Ilgama, me-
negaskan bahawa Islam tidak
melarang orang-orang Islam
untuk mencari kekayaan bagi
IUJuaan untuk memperkuat
kedudukan ekonomi orang-

orang Islam itu sendiri.

Menurut Yang Berhormat
dengan adanya kekayaan,
orang-orang Islam akan men-
jadi kuat dari segi kebendaan.

tidaklah menjadi pengemis
dan tidaklah menjadi miskin.
apatah lagi ukuran dunia
ma5akini yang memcllukan
kekuatan dalam bidang
ekonomi.

"Islam tidak melarang
orang Islam berniaga, ber-
dagang dan berjual beli,
bahkan agama kita mcnya-
takan bahawa peratus rezeki
lebih banyak dalam per-
niagaan," jelas Yang Berhor-
mat.

Walau bagaimanapun,
jelas Yang Berhormat Menteri
Hal Ehwal L'gama, dalam
mencari kekayaan itu, orang-
orang Islam juga diper-
ingatkan supaya kekayaan itu
tidak akan mcilalaikan mereka
terhadap tanggungjawab
sebagai seorang Islam.

"Kita boleh mencari harta,
berniaga, bekerja menurut
kebolehan dan kesesuaian
masing-masing, kerana ia
perlu, ia perlu pada kita,
perlu kepada manusia. Tetapi
sebagai manusia yang
beragama Islam, kita hen-
daklah sentiasa ingatkan
kewajipan kita kepada Allah,
kewajipan itu jangan diting-
galkan, jangan kita di-
pengaruhi pemiagaan oleh
jual beli, oleh pekerjaan-
pekerjaan lain sehingga
terlalai daripada mengcrjakan
kewajipan kita kepada Allah
Subhanahu Wataala," kata
Yang Berhormat •

Berucap di majlis keaga-
maan yang diadakan di Mas-
jid Pekan Seria, Kuala Belait
di sini pada hari Sabtu lepas,
Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Ratna Diraja Dato Seri
Utama Dr. Ust32 Awang Haji
Mohd. Zain seterusnya
menegaskan bahawa di antara
bentuk kelakuan itu ialah
terlupa untuk mengeluarkan
zakat.

"Dalam harta kekayaan itu
ada terdapat hak orang lain
yang telah ditentukan oleh
Allah, seperti fakir dan

miskin, hendaklah di-
keluarkan hak mereka itu
menurut ajaran-ajaran Islam,
sikap suka menderma dalam
perkara-perkara yang ber-
kebajikan adalah digalakkan
oleh agama kita, tentulah kita
tidak boleh bersedekah
dengan harta benda kalau
kita tidak ada harta," jelas
Yang Berhormat.

Yang Berhormat men-
jelaskan bahawa anggapan
setengah orang bahawa
membelanjakan harta dalam
bidang kebajikan kerana
Allah itu sungguhpun ia
berkurang tetapi sebenarnya
ia berlebihan, berkurang dari
segi hitungan benda tetapi
berlebihan dari segi pahala dan
ganjaran yang discdiakan oleh
Allah.

Terdahulu sebelum itu
Yang Berhormat telah me-
lawat beberapa buah masjid

di Daerah Tutong dan Belait.
Di antara masjid-masjid yang
dilawati ialah masjid-masjid
Kampung Telisai, Sungai
Liang dan Sungai Taring.


Ahli-ahli jawatankuasa
masjid itu telah berjaya
mengungkapkan beberapa
perkara seperti mengadakan
ceramah agama, menu-
buhkan pasukan zikir untuk
kegunaan masyarakat, dan
jemaah di kawasan pekan itu,
menubuhkan pasukan fardu
kifayah serta mengikuti per-
barisan Maulud Nabi
Muhammad Sallallahu Alaihi
Wasallam di mana tahun ini
sebanyak lebih 1.500 orang
peserta masjid pekan itu
mengikutinya.

Rira-kira 400 orang ter-
masuk pegawai-pegawai
knan kerajaan menghadiri
majlis tersebut.

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain serta beberapa orang pegawai kerajaan yang lain ketika melawat salah sebuah masjid yang masih dalam pembinaan.



KELIHATAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain sedang beramah mesra dengan beberapa orang ahli-ahli jawatankuasa masjid pekan itu.



MASJID Zainab di Kampung Sungai Taring, Daerah Belait yang masih dalam pembinaan.

Meningkatkan kebolehan murid-murid Rancangan 'REAP' akan diperkenal tahun '89

GADONG, 2 Disember. - Di dalam usaha untuk memperingkatkan kebolehan membaca di kalangan murid-murid, Kementerian Pelajaran akan memperkenalkan satu rancangan yang dipanggil 'Reap' (Reading and English Acquisition Programme) di dua puluh buah sekolah rendah mulai tahun 1989.

Rancangan ini akan dikenal-dalikan, adalah sebagai satu langkah permulaan sebetulannya diterapkan kepada semua sekolah-sekolah rendah di seluruh negara.

Menurut Vang Berhormat Menteri Pelajaran, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, rancangan ataupun kaedah-kaedah tertentu seperti membanting kanak-kanak dengan buku-

buku baeaan adalah dihasratkan bagi menarik minat kanak-kanak untuk membaca.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran menjelaskan demikian ketika berucap merasmikan Simposium Guru-guru Besar dan Penolong-penolong Guru Besar Sekolah-sekolah Rendah Kementerian Pelajaran yang berlangsung di Dewan Jubli Perak, Universiti Brunei Darussalam (Institut Pendidikan Sultan Hassan al-Bolkiah). Gadong pada hari Jumaat lepas.

Dalam hal ini peranan guru-guru besar adalah amat penting dari segi pengurusan. tegas Vang Berhormat Menteri Pelajaran.

Menurut Vang Berhormat seterusnya, usaha-usaha akan terus dipertingkatkan oleh Kementerian Pelajaran bagi

Oleh Zubaidah MS

keberkesanan pentadbiran* pentadbiran di sekolah-sekolah dari masa ke semasa.

"Dengan pentadbiran yang cekap dan berkesan maka sekolah-sekolah akan dapat memberikan perkhidmatannya dengan lebih sempurna," tegas Yang Berhormat,

Sejajardengantujuan utama simposium itu diadakan iaitu bagi memperbaiki lagi kedudukan pihak-pihak pentadbir di dalam mengendalikan pengurusan sekolah yang mana dihasratkan juga untuk mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran guru-guru besar dan penolong-penolong guru besar mengenai kualiti-kualiti

kepemimpinan untuk mencapai mailamat pada memperkukuh mutu pendidikan dan keberkesanan kepimpinan guru-guru besar sebagai "Team Builder".

Simposium tersebut diadakan, menurut Vang Berhormat, adalah merupakan satu peningkatan kepada usaha-usaha positif Kementerian Pelajaran yang menyedari akan hakikat bahawa pengurusan di peringkat sekolah yang berkesan adalah memainkan peranan yang amat penting di dalam perkembangan pelajaran di negara ini.

Di samping itu Yang Berhormat Menteri Pelajaran juga mengumumkan bagi mempeikenakan satu Skim Penyaluran Penuntut-penuntut yang lulus Peperiksaan BJCF, bagi membolehkan mereka untuk mengikuti kursus di peringkat 'O' sama ada bagi tempoh 2 tahun seperti lazimnya atau tempoh tiga tahun pengajian mulai tahun depan (1989).

Yang Berhormat menjelaskan, penyaluran tersebut akan dibuat berasaskan kepada mutu pencapaian penuntut-penuntut di dalam peperiksaan BJCF dalam mana penuntut-penuntut yang ternyata mempunyai asas yang kuat akan disalurkan kepada Skim Pengajian 2 tahun, manakala bagi penuntut-penuntut yang pencapaiannya dalam peperiksaan tersebut kurang memuaskan akan dikehendaki mengikuti pengajian yang sama bagi tempoh 3 tahun.

Simposium Guru-guru Besar dan Penolong-penolong Guru Besar Sekolah-sekolah Rendah yang dikendalikan oleh Jabatan Sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran ini adalah yang julung kalinya diadakan.

Khusus bagi simposium tersebut yang dijalankan selama tiga hari, Kementerian Pelajaran telah mengundang beberapa orang penceramah dari luar dan dalam negeri. Di antaranya ialah Profesor Madya Haji Ali Taib, Profesor Dato Dr. Kamaruddin bin Haji Kachar, Dayang Zaiton binti Haji Taha, Dr. Anicia Alvarez dan Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin yang masing-masing membentangkan sebuah kertas kerja yang berkisar tentang peranan guru besar dalam pentadbiran sekolah dan pendidikan.

Kira-kira 150 orang guru-guru besar dan penolong-penolong guru besar sekolah-sekolah rendah menyertai simposium tersebut.

Terdahulu sebelum upacara perasmian dijalankan, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Simposium Guru-guru Besar dan Penolong-penolong Guru Besar Sekolah-sekolah Rendah, Awang Ali Hashim bin Haji Daud, Pengarah Sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Menteri Pelajaran, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, "Peranan guru-guru besar amat penting dari segi pengurusan."

2 penuntut ITB terima dermasiswa

J A I A N M I D A R A . 1 Disember. - Awang Sofian Haji Md. Daud dan Dayang Faridah Masri, kedua-dua penuntut dan Institut Teknologi Brunei, telah menerima skim dermasiswa pelajar sumbangan dari Hongkong and Shanghai Bank. Khamis lepas.

Majlis menandatangani perjanjian sumbangan dermasiswa itu berlangsung di institut tersebut di mana menandatangani bagi pihak ITB ialah Pengarah ITB, Awang Haji Mustafa bin Abu Bakar manakala Hongkong and Shanghai Bank

diwakili oleh Penguins Awang King I Iolford,

Skim dermasiswa itu merupakan langkah pertama pihak Hongkong and Shanghai Bank dan ITB dalam membantu pelajar-pelajar yang mengamhil kuisus peidagangan dan kewangan di peringkat HND.

Antara yang hadir di majlis menandatangani tin ialah Pesuruhjaya Butuh, Awang Hap Ainal Haji Momin dan pegawai pegawai dari Kementerian Pelajaran serta pegawai pegawai bank tersebut.



PENGARAH institut Teknologi Brunei, Awang Haji Mustafa bin Abu Bakar dan Awang King I Iolford menandatangani perjanjian skim dermasiswa sumbangan Hongkong and Shanghai Bank di ITB Khamis lepas. - Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Jadual Perpustakaan Bergerak

Sekolah Rendah Limau Man is	7-12-1988	Rabu	8.30 - 9.30 pagi
Sekolah Rendah Pengkalan Batu	7-12-1988	Rabu	9.45 - 10.45 pagi
Sekolah Rendah Masin	7-12-1988	Rabu	11.00 - 12.00 t/hari
Sekolah Rendah Kasat	7-12-1988	Rabu	10.00 - 11.00 pagi
Sekolah Rendah Kupang	7-12-1988	Rabu	2.00 - 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Berakas	8-12-1988	Khamis	9.00 - 10.00 pagi
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	8-12-1988	Khamis	9.45 - 10.45 pagi
Kelas Bimbingan Kanak-kanak Cacat, Pusat Bahagia Pulaie	8-12-1988	Khamis	2.30 - 3.30 petang
Sekolah Rendah Jerudong	10-12-1988	Sabtu	8.30 - 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	10-12-1988	Sabtu	9.45 - 10.45 pagi
Sekolah Rendah Sengkuring	10-12-1988	Sabtu	11.00 - 12.00 t/hari
Sekolah Ugama Sengkuring (Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kg. Mulaut)	10-12-1988	Sabtu	2.00 - 3.00 petang
Sekolah Rendah ORBS Kilanas	10-12-1988	Sabtu	3.15 - 4.15 petang
Kawasan Rumah Persatuan Kg. Tanah Jambu	11-12-1988	Ahad	9.00 - 10.15 pagi
Kampung Perpindahan Serasa	11-12-1988	Ahad	10.15 - 11.15 pagi
Di hadapan kedai Muara	11-12-1988	Ahad	11.30 - 12.00 t/hari
Sekolah Rendah Junjongan	12-12-1988	Isnin	9.00 - 10.00 pagi
Sekolah Rendah Panchor Murai	12-12-1988	Isnin	10.15 - 11.15 pagi
Sekolah Rendah Lumapas	12-12-1988	Isnin	9.30 - 10.30 pagi
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	12-12-1988	Isnin	2.00 - 3.00 petang
Sekolah Ugama Kampung Perpindahan Berakas	12-12-1988	Isnin	3.30 - 4.30 petang
Sekolah Rendah Orang Kaya Besar	13-12-1988	Selasa	8.30 - 9.30 pagi
Imas Subok	13-12-1988	Selasa	10.30 - 11.30 pagi
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	13-12-1988	Selasa	10.00 - 11.00 pagi
Sekolah Pengajian ABDB Bolkiah Garison	13-12-1988	Selasa	10.00 - 11.00 pagi



AWANG Sofian Haji Md. Daud dan Dayang Faridah Masri terpilih sebagai penerima skim dermasiswa pelajar sumbangan Hongkong and Shanghai Bank. - Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Tingkatkan produktiviti, kualiti kerja di semua peringkat pekerjaan

KUALA BELAIT, 29 November. — Semua jabatan dan kakitangan di bawah Kementerian Pembangunan discu supaya melaksanakan amalan peningkatan produktiviti dan kualiti di semua peringkat pekerjaan dan meniadakannya sebagai salah satu etika kerja bagi memajukan dan memhaugun negara.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail Inn Pengiran Ilaji Damit mmbuat seruan itu di majlis Kernpen Produktiviti dan Kualiti bagi jabatan-jabatan di hawah Kementerian Pembangunan daerah tersebut bei te in pat di Dewan Kemasyarakatan di sini pada hari Selasa lepas.

Brrhngkit dari perkara trrsebul Menteri Pern-bangunan seterusnya berkata Kementerian Pembangunan telah bei usaha untuk inengumpul dan inenganalisa data-data mengenai pro-

duktiviti dan kualiti bagi bidang-bidang kerja yang tertentu dalam kementerian itu untuk dijadikan petunjuk mutu dan penghasilan.

Bagi mentapai matiamat untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti itu, jelas Yang Berhormat, setiap pekerja seharusnya mempunyai sifat-sifat kemahiran, bertanggungjawab, jujur dan amanah dengan itu mereka akan dapat melaksanakan tugas-tugas mereka dengan baik dan dapat menghasilkan daya dan mutu pengeluaran serta hasil kerja yang tinggi

Oleh Dk. Saidah POA

demi kehaikan negara keseluruhannya dan bukan semata-mata bagi kepentingan diri sendiri.

Seramai lebih 500 orang pegawai dan kakitangan dari sembilan buah jabatan di bawah Kementerian Pembangunan di daerah itu menghadiri majlis pada hari itu.

Antara persembahan yang diadakan di majlis itu ialah persembahan koir, sajak, lagu dan sebuah drama yang ber-

tajuk "Arah, Diarah dan Dimarah".

Drama tersebut mem-paparkan kelemahan-kelemahan dan keburukan-keburukan yang terdapat dalam sebuah pejabat di mana fakta-fakta yang menjadi penghalang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti ini seolah-olah sudah menjadi budaya kerja setengah daripada kita sebagai pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail ketika berucap.

Syarikat Kerjasama perlu ditubuh bagi pasarkan hasil pertukangan



PENGERUSI Jawatankuasa Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman menyampaikan sijil kepada Awang Hammie bin Trokie yang juga terbalk sebagai penuntut Bahagian Perak. — Gambar oleh Awang Abdullah bin Awang Damit.

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 November. — Para lulusan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan disarankan supaya menubuhkan syarikat kerjasama bagi memasarkan hasil-hasil pertukangan tangan di negara ini.

Pengarah Muzium-muzium Brunei, Awang Haji Metussin bin Omar menyarankan demikian di majlis penyampaian sijil-sijil Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di sini.

Melalui penubuhan itu akan dapat menghasilkan dan memasarkan hasil-hasil pertukangan tangan secara langsung kepada pembeli dan dapat menguasai pasaran hasil-hasil pertukangan tangan di negara ini dan malahan mempunyai pilihan yang lebih luas dalam menghasilkan jenis atau rekabentuk beraneka jenis sesuai dengan kehendak masvarakat dan generasi sekarang.

Oleh Dk. Fatimah PHMN

Beliau berucap kepada 31 orang lulusan pusat itu dan menyeru agar mereka tidak terus bergantung kepada kerajaan semata-mata tetapi akan dapat berdiri di atas kaki sendiri.

Katanya, sebagai tukang yang terlatih hendaklah menjaga dan mempertahankan hasil pertukangan bermutu tinggi, yang indah, yang seni sesuai dengan falsafah tukang-tukang seni yang sejati di dunia ini.

"Tukang-tukang seperti kamu mempunyai tugas dan tanggungjawab bagi mendukung dan menghasilkan hasil pertukangan yang terbaik demi untuk mencerminkan mutu pertukangan orang-orang Brunei yang terkenal sejak zaman berzaman," katanya.

Pengarah Muzium-muzium Brunei itu juga menyeru agar para lulusan mempunyai sifat kreativiti iaitu membuat perkara-perkara baharu tidak semestinya membuat apa yang diajarkan di pusat sahaja tetapi mesti mencipta rekabentuk yang baharu yang digemari oleh orang ramai.

Terdahulu dari itu, Ketua Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Awang Haji Mustafa bin Haji Ahmad berharap agar lepasan-lepasan pusat tersebut akan berusaha lebih giat lagi mencari idea,idea baru dengan membuat hasil-hasil yang difikirkan boleh laris untuk dipasarkan.

Dari itu kita harus mempelajari minat masyarakat dari segi rekabentuk dan haruslah mengenal rupa barang dan harga. Barang yang menarik dan bermutu akan menjadi idaman generasi sekarang.

Katanya, para lulusan haruslah menaikkan imej Negara Brunei Darussalam dengan menghasilkan pem-

buatan yang tradisional tetapi sesuai dengan perkembangan zaman.

Sejak tertubuhnya bahagian perdagangan, banyak perkara yang telah dimajukan dan hasil-hasil penjualan adalah mencapai ke tahap yang menggalakkan iaitu hampir \$30,000 setiap bulan, katanya.

Hasil-hasil barang itu termasuklah perak, kain tenunan, anyaman dan wang plastik.

Majlis penyampaian sijil di 5 empurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pusat Latihan dan Pertukangan Tangan Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman.

Sembilan orang penuntut telah dipilih sebagai peserta terbaik dalam bahagian perak, tenunan dan seni ukir.

Bahagian perak ialah Awang Mahal bin Jumat, Awang Hammie bin Trokie dan Awang Asri bin Ideris.

Tiga orang yang terbaik dalam bahagian tenunan ialah Dk. Mailyni binti Pengiran Maidin, Dayang Sofmah binti Haji Wash dan Dayang Hajjah Limah binti Haji Aliusin. Manakala bahagian seni ukir ialah Awang Md. Zin bin Haji Mohd. Yusof, Awang Garrol bin Ruani dan Awang Kamran Shah bin Haji Mohd. Latif.


HARGA BARANG-BARANG

SEPERTI biasa di bawah ini dicatitkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sedcrhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 30 November, 1988.

JENAMA BARANG/UKURAN/BERAT	BANDAR SERI BEGAWAN		TUTONG		KUALA BELAIT		SERIA	
	HARGA	NAMA KEDAI	HARGA	NAMA KEDAI	HARGA	NAMA KEDAI	HARGA	NAMA KEDAI
Beras Wangi (Syarikat Kerjasama) sguni	\$10.00	Eng Lcong No. 8 Jalan McArthur	\$10.00	Chop Hoe Hing 4 Jalan Enche Awang	\$9.80	Chop Yee Seng 46 Jalan Pretty	\$10.00	Yuan Ho Hing 49 Jalan Bunga Kuning
Mee Kuning (Falcoon & Moon) sebungkus	\$0.40	Chop Ken Ken B2 Jalan Robert	\$0. 50	Chop Tong Huat 17 Jalan Enche Awang	\$0.40	Koh Kit Hin 28 Jalan Pretty	\$0.40	Poh Shing 6 Jalan Sultan Omar Ali.
Udang Kering 1 kilogram	\$18.00	Liong Chuan Jalan McArthur	\$18.00	Chop Wah Kee 6, Jalan Enche	\$18.00	Eng Soon Heng 58, Jalan Pretty	\$17.00	Foo Hap Shing 20, Jalan Sultan Omar Ali

Makluman

ADALAH dimaklumkan kepada orang ramai bahawa Jalan Sungai dari Simpang Jalan Pasar ke Simpang Jalan Sultan Kuala Belait akan dipasang tanda "TIDAK DI BENARKAN MELETAKAN KERETA" (NO PARKING) mulai 1 Disember, 1988. Ini bermakna orang ramai tidak dibenarkan meletakkan kereta-kereta di tepi-tepi jalan berkenaan.



**12 kerusi roda
disumbangkan
bagi orang cacat**

BANDAR SERI BEG A WAN, 50 November. — Sejumlah 12 buah kerusi roda untuk kegunaan orang-orang cacat telah didermakan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kerusi-kerusi roda itu adalah sumbangan dari sebuah swasta tempatan, Gedung Pemiagaan Hua Ho.

Mailio. penyerahan keusi-kerusi tersebut telah diadakan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan diserahkan oleh anak tuan punya syarikat tersebut, Awang Lau How Teck kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain.

Kepentingan alam sekitar jangan diketepikan

GADONG. 29 November. - Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Dato Paduka Haji Ibrahim bin Haji Mat Vassin mengingatkan agar kepentingan alam sekitar yang selesa dan harmoni tidak diketepikan walaupun kita giat mengorak langkah ke arah mempelbagaikan ekonomi negara.

"Dalam konteks pembangunan Negara Brunei Darussalam, kawasan pesiran negara memerlukan perhatian dan tumpuan >ang khusus di mana lebih 55 peratus jumlah penduduk dan hampir kesemua kegiatan sosio-ekonomi negara tertumpu kepada kesatuan pesiran

Oleh Haniza Abdullah

negara." katanya. ketika merasmikan Seminar Environmentally Sustainable Coastal **M** Perkampungan Gadong di sini.

Beliau berkata walaupun kebanyakan dari sumber-sumber per.bar.gunar. di pesisiran negara ini terhad penerokaan dan penggunaannya, icapi potensi sumber berkenaan sebagai aas. liema. Juan sosio-ekonomi be-enta aer.gar: usaha i.e aram mem-pelbagai. ekonomi negara berkemungieir.&n akan raenje-jaska". keadaan can i.e sinei-bangan i, 'a' in. itu fika-kepentiitT • untuk mer-

pastikan alam sekitar yang
selesa dan hafm cni
dikekalkan.

Lebih 30 orang pegawai-pegawai dari Kementerian Pembangunan, Kementerian Pertahanan Jar; Kememeriai. H a i Ehwai D a 1 a m Negeri menghadiri seminar dua hari itu.

Ia dijanjurkan, oleh Kementerian Pembangunan dan dikendalikan oleh tiga orang Euf»tf& daripada L.n.,
bagi meningkatkan dan memperluaskan pengalamaan.
kelahaman dan kemahiran
para pesena dalam bidang
r < ; ; ; ; ; . awasan-
l . pesisiran.

Usaha cegah penyakit Aids dari merebak ke negara kita

Oleh Dk. Fatimah PHMN

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Disember. — Vang Berhormat Dato Paduka Dr, Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin, Menteri Kesihatan berkata penglibatan negara kita dalam membantu Hari Aids Sedunia bukanlah bertujuan untuk membesarkan masalah penyakit Aids di negara ini oleh kerana penyakit ini bukanlah menjadi masalah yang amat besar.

Masalah penyakit Aids, jelas Yang Berhormat menjadi satu ancaman dan tidak ada sebuah negara yang merasa selamat disebabkan penyakit Aids ini telah melanda negara-negara lain yang boleh merebak dengan cepatnya.

"Oleh itu kita mesti semiasa dalam keadaan berjaga-jaga dan berusaha untuk mencegah dari merebaknya penyakit Aids di Negara Brunei Darussalam. Kita tidak semestinya bersikap "acuh tak acuh" atau tidak mengambil indah terhadap penyakit yang amat merbahaya ini" jelas Yang Berhormat ketika berucap merasmikan Pameran Hari Aids Sedunia bertempat di Rumah Sakic Raja isteri Pengiran Anak Saleha di sini. Khamis lepas.

A black and white photograph showing a group of men. On the left, a man in a light-colored, short-sleeved button-down shirt and dark trousers is looking down at something held by one of the men in suits. He has his hands clasped in front of him. To his right, two men in dark suits and ties are looking at the same point. The man in the foreground on the right is wearing glasses and has a white pocket square in his jacket. In the background, there are several microphones on stands and a sign that reads "WILLIAM BRUNET". Another man in a suit is partially visible on the far left. The setting appears to be a formal event or press conference.

Katanya lagi, tidak ada cer-
dapat satu vaksin yang boleh
mencegah penyakit Aids atau
ubat yang boleh men vein-
buhkannya jika sudah di-
jangkiti penyakit Aids.
Pengetahuan dan perangkaan
yang didapati ketika ini
menunjukkan bahwa >
penyakit ini akan membawa
maui.

V a i g b e : h o i m a :
mertasihatkan . . . ai kita tidak
petit; L a k u i mengenai
penyakit mi kerana epide-
miology penakit ini menun-
jukkan bahawa jangkitan
acialati dj atas itKibai uti-
buatan ungkahiaku sescoraig
individu yang mendedahkan
diri mereka kepada jang telah
menghidap penyakit Aids
iiuu melalui hubungan Scks
d a v i n e : a ; u : s u n t i k a n
pcuagiha: ~ d l e . r t a u
nieiaui pcr.cerf.ac3r. ebrah.

"Di sini saya ingira sekali
ia⁴i, mcyakinkan bahawa di
Negara Lrunci Darussalam
acmu; perkhidmatan pemin-
dahar: darah adalah menurut
dan mematuhi garis pandu
praktis yang selamat dari
peneemaran kuman penyakit
Aids " tegas Vang Berhormat
lagi-

Yang Berhormat berkata usaha Kementerian Kesihatan dalam perkhidmatan pemin-dahan darah itu yang bebas dari pencemaran kuman penyakit Aids dan bagi orang ramai menjauhkan diri dari perbuatan yang berisiko tinggi dari segi jangkitan Aids, insya-Allah kita akan dapat bersama-sama mencegah dan mengawal dari merebaknya penkakit Aids di negara ini.

Negara Brunei Darussalam adalah salah satu dari 16 buah negara di dunia yang menyahut seruan Pertubuhan Kesihatan Sedunia dalam menyambut Hari Aids Sedunia yang diisytiharkan pada 1 Disember.

Yang Berhormat Datuk Paduka Dr. Haji Johar kemudiannya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang di peraduan menulis esei dan melukis poster sempena Hari Aidil Sedunia.

Hadiab pet t.una ialah
Awang Rushdan bin Han
Sulaiman berasal dan Kam
pong Lupak Luas. Pemenang
kedua ialah Awang Noianthn
bin Hj. Md. Assin. Jabatan
Ad at istatit.t Negara dan
ketiga jatuh kepada Awang
Haji Majul bin Haji Ibrahim.
Iabatan Pen\iatan dan
leneiangan \PeneranganI

Pemenang pertama adalah
 duan menu lise ialah
 A.h ang Quazt Rijawana
 H . I i i¹¹ dati Seko lah

Menengah SMA. Diikuti tempat kedua Iqbal Saba barah bmti Jiniel Sekolah Menengah Muda Hashim 1 utng dan pemenang ketiga ialah usaha brsama di antara Loo Vir. Soon, Josetina Wong Vetil L. dan Hasital Bujang.

Let.mui [kehojin.il](#) dan p.ua hadirin dibawa tnenyaksikau p.imeran pamcian bei hubung dengan penyakit Aids ang benemakan "Ketahuilah mengenai penyakit AIDS."

**76 terima hadiah
kepujian Shell**

LANDAR SI UL BEG A W A N
; Pivmhrr — Serann⁷ 70
orang murid dan 19 I"ih
• r-kolah mist. China dan
persendirian telah menerima
hadiah kepujian dari Syarikat
Minyak Shell Brunei Sen
dirian Berhad

Penyampaian hadiah
hadiah tersebut disempur-
nakan oleh Ketua Pusat
Latihan Brunei Shell. Awang
Hussin bin Ahmad selaku
tetamu kehormat di majlis
yang berlangsung di Sekolah

Akhir pada pagi itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua Sekolah Misi St. Andrew's, Awang P C; Koslin dan seterusnya diikuti dengan ucapan oleh tetamu kehormat.

1'a i a [e i n p u t a n s e r i a
murid-murid telah dibawa
untuk menyaksikan penun-
jukan komputer dari Syarikat
Minyak Shell Brunei Sen-
dirian Berhad.



PENYAKIT AIDS adalah satu penyakit serius dan berjangkit, Ianya merupakan peringkat terakhir dan paling bahaya selepas dijangkiti oleh kuman virus AIDS, iaitu HIV (Human Immunodeficiency Virus). Ia telah menjadi tumpuan dunia dan kajian-kajian pesat sedang berjalan di merata dunia untuk memahami punca dan perkembangan penyakit yang menakutkan ini.

Sejak penyakit AIDS mulai dikesan di Amerika Syarikat pada tahun 1981, sejumlah 124,114 kes-kes telah dilaporkan hingga bulan November 1988. Kes-kes AIDS nampaknya semakin meningkat dengan kadar yang mencemaskan. Sehingga ini 30 peratus dari pesakit pesakit ini telah mati. Keengganan melaporkan dan juga kepayahan mengenal pasti penyakit ini telah menyebabkan kes-kes yang dilaporkan ini hanya merupakan sebahagian kecil dari jumlah yang sebenar.

Memandangkan kepada tempoh pengeneraman (incubation period) yang panjang (hingga enam tahun atau lebih) dari masa kuman vims AIDS inenjangkiti hingga ke masa tanda-tanda penyakit itu timbul, kes-kes yang dilihat masa ini hanya merupakan hujung air batu (tip of the iceberg) dan di masa yang akan datang banyak lagi kes-kes AIDS akan dijumpai. Pada 1988, 10 juta orang telah dijangkiti oleh virus AIDS dan dari jumlah ini 3 juta orang akan menhidap penyakit AIDS. Penyakit AIDS ini mempunyai tiga sifat yang menyebabkan penyakit ini sangat merbahaya. Pertama, selepas dijangkiti, virus AIDS ini akan beradanya di dalam mangsanya seumur hidup. Lebih lama virus ini berada di dalam badan lebih tinggi lagi risiko penyakit itu akan berkembang menjadi penajul AIDS. Kedua, sehingga ini belum ada ubat yang boleh memusnahkan penyakit AIDS. Vaksin atau suntikan untuk mencegah dari dijangkiti virus AIDS juga belum wujud.

Ketiga, kebanyakan mangsa yang telah dijangkiti virus AIDS tidak memberi tanda-tanda atau gejala penyakit ini hingga beberapa tahun kemudian. Mangsa itu tidak tahu yang ia telah dijangkiti. Dalam masa itu ia boleh menjangkitkan virus AIDS ini kepada orang lain.

Virus AIDS ini merebak melalui hubungan seks dari orang dijangkiti kepada teman seksnya, juga melalui darah (pindahan darah, suntikan, alat menemushi kulit, berkongsi jarum oleh penagih dadah intravena) dan dari ibu ke anak dalam rahim. Komposisi cara merebak ini bermakna penyebaran virus AIDS ini akan berlaku lagi. Jangkitan virus AIDS ini telah menjadi wabak ke seluruh dunia.

Oleh kerana ketiadaan ubat dan vaksin, hanya pencegahan sahaja yang dapat menahan merebaknya penyakit ini. Dari itu mendedik orang ramai mengenai penyakit ini akan menjadi kunci untuk memberhentikan merebaknya penyakit AIDS.

Kementerian Kesihatan Sedunia memberi perhatian utama kepada penyakit AIDS dan mengisytiharkan 1 Disember 1988 sebagai "HARI AIDS SEDUNIA."

1 Disember akan menumpukan perhatian kepada usaha dunia melawan kemaraan penyakit AIDS dengan merayu kerajaan dan komuniti, golongan dan individu untuk berbincang mengenai AIDS. Hari itu akan dikhaskan untuk perbincangan mengenai AIDS, Hari itu akan dikhaskan untuk perbincangan dan komunikasi mengenai penyakit yang tidak mempunyai batas.

Objektiviti Hari AIDS Sedunia

Objective Hari AIDS Sedunia ialah memberitahu yang penyebaran virus AIDS boleh dihindari; perbuatan yang bertanggungjawab boleh melindungi individu dari jangkitan AIDS; Kita mesti ada perasaan belas kasihan danimbang rasa terhadap mangsa AIDS atau mereka yang dijangkiti virus AIDS. Hari AIDS Sedunia menunjukkan usaha dunia melawan AIDS, mengukuhkan pencegahan dan program pengawalan di tiap negeri dan menghimpunkan saluran baru bagi berkomunikasi mengenai AIDS di dalam dan di antara negeri-negeri.

Hari AIDS Sedunia adalah hari untuk berkumpul perasaan toleransi, belas kasihan danimbang rasa dengan berbincang mengenai AIDS. Dengan melalui azam yang kukuh dan usaha gigih dunia akan dapat memusnah AIDS.

Tema dialog dan komunikasi Penubuhan Kesihatan Sedunia bertajuk AIDS Sedunia ialah "LET'S TALK ABOUT AIDS" (Mari Kita Berbincang Mengenai AIDS) "JOIN THE WORLDWIDE REPORT" (Ikut Serta dalam Usaha Seluruh Dunia).

"TELL THE WORLD WHAT YOU'RE DOING ABOUT AIDS" (Beritahu Dunia

UNTUK MEMPASTIKAN RAKYAT NEGARA INI
 DILINDUNGI DARI WABAK PENYAKIT AIDS
 Beberapa langkah positif
 diambil oleh kerajaan



YANG Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin, Menteri Kesihatan ketika menyaksikan sebahagian daripada pameran negara-negara ASEAN mengenai AIDS. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Apa Yang Awda Buat Mengenai AIDS)

Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam tidak juga ketinggalan ikut sena dalam usaha seluruh dunia ini. Kementerian ini telah membuat beberapa aktiviti seperti kempen bagi meningkatkan kesedaran mengenai penyakit AIDS melalui forum dan perbincangan di media massa. Menyebarkan maklumat melalui risalah, suratkhbar, khutbah hari Jumaat, pameran maklumat mengenai AIDS, peredaran poster dan karangan dan mengadakan bengkel seminar AIDS. Tema Kementerian Kesihatan di Hari AIDS Sedunia "KETAHUILAH MENGENAI PENYAKIT AIDS".

Walaupun kejadian AIDS di rantau Asia Tenggara ini rendah, mengikut ramalan, wabak AIDS ada potensi untuk merebak di kawasan ini. Di Negara Brunei Darussalam kita belum lagi ada kes-kes AIDS tetapi sudah ada dua orang pembawa kuman virus AIDS ini (carrier). Melalui ciri-ciri kebudayaan dan keagamaan kita, penyakit ini berkemungkinan tidak akan merebak di negara ini. Walau bagaimanapun kita harus sentiasa berwaspada.

Kementerian Kesihatan giat dalam mengambil langkah-langkah untuk memastikan rakyat negara ini dilindungi daripada wabak penyakit AIDS ini.

Kementerian ini telah mengadakan kempen mengenai AIDS tahun lepas. Kementerian ini juga membuat langkah seperti: —

- * Mewartakan penyakit AIDS sebagai penyakit berjangkit yang mesti dilaporkan di bawah Akta Kawalan Penyakit dan Kurantin.
- * Masukkan AIDS dalam pelajaran kesihatan di sekolah-sekolah.
- * Ujian-ujian rapi ke atas darah atau bahan-bahan darah untuk menentukan darah-darah ini bebas dari kuman virus AIDS sebelum dibagikan kepada penerimanya.
- * Semua bahan-bahan darah yang diimport dari luar negeri adalah dari yang proses untuk membunuh kuman AIDS ini.
- * Semua alat suntikan adalah jenis "disposable" — dipakai sekali sahaja dan lepas itu dibuang.
- * Semua alat-alat yang menembusi kulit disterail supaya bebas dari sebarang kuman.

Terpuhlah kepada individu sendiri mengambil bahagian dalam mencegah

merebaknya penyakit yang bahaya ini untuk memastikan rakyat negara ini dilindungi daripada wabak penyakit AIDS ini.

Kenyataan Mengenai AIDS

Apa dia AIDS?

AIDS adalah singkatan perkataan 'Acquired Immunodeficiency Syndrome'.

Acquired - diperolehi bukannya keturunan.

Immunodeficiency - satu keadaan di mana sistem imune atau sistem benteng pertahanan badan melawan penyakit sudah kurang berkesan. Oleh yang sedemikian badan seseorang itu tidak dapat melawan kemasukan kuman-kuman, sel-sel barah dan lain-lain.

Syndrome - kumpulan tanda-tanda dan gejala-gejala yang menolong mengenal-pasti sesuatu penyakit tertentu.

Oleh kerana sistem imune yang kurang berkesan ini, penghidap penyakit AIDS terdedah kepada penyakit-penyakit serius yang mana tidak akan memberi ancaman kepada orang yang mempunyai sistem imune yang normal atau baik.

Apa yang jelas mengenai penyakit AIDS ini ialah jangkitan oportunistik atau jangkitan kesempatan dan kejadian barah kepada in-

Oleh Dr. Haji Abd. Latif bin Haji Ibrahim, Pegawai Perubatan

individu yang sebelumnya sihat-sihat belaka. Jangkitan oportunistik dan barah ini membawa maut kepada penghidap penyakit AIDS dan mereka boleh mati dalam masa 2-3 tahun.

Individu yang telah dijangkiti kuman virus AIDS disenaraikan ke dalam empat bahagian umum:

Pembawa kuman (carrier) — tidak mempunyai kesan-kesan penyakit AIDS ini.

Persistent generalised lymphadenopathy — mereka ini juga secara kasar nampak sihat dengan hanya mempunyai bengkak-bengkak di leher, bawah keciak, bahagian atas peha dan lain-lain.

AIDS related complex (ARC) — ada gejala-gejala seperti demam, lesu, cerit-berit, berat badan berkurangan dan tanda-tanda sistem imune mulai tidak berkesan semakin nampak.

Penyakit AIDS sepenuhnya — dijangkiti oleh penyakit oportunistik dan barah kaposi yang boleh membawa maut.

Sebab-sebab penyakit AIDS

Penyakit AIDS ini mula dikesan di Amerika Syarikat pada tahun 1981. Bila ianya mula dikesan tidaklah diketahui apa yang menyebabkan penyakit ini. Beberapa ejen dan kuman-kuman telah disyaki menjadi pembawa penyakit AIDS. Pada tahun 1983, kuman yang menyebabkan AIDS dikenal pasti di negeri Perancis oleh Dr. Luc Montagnier dan kuman ini dipanggil Lymph Adenopathy Virus (LAV), dan juga di Amerika Syarikat oleh Dr. Robert Gallo yang dinamakan virus itu sebagai Human Lymphotropic Virus type III (HTLV-III). Pada tahun 1986, Penubuhan Kesihatan Sedunia telah mengesyorkan virus ini dipanggil Human Immunodeficiency Virus (HIV).

Laporan penama mengenai penyakit AIDS ini datang dari Pusat Pengawalan Penyakit di Atlanta, Amerika Syarikat yang mana melaporkan kes lima orang homoseksual telah dirawat di Rumah Sakit Los Angeles. Mereka ini menghidap satu penyakit paru-paru yang jarang dilihat yang dinamakan Pneumocystis Carinii Pneumonia. Pada masa itu juga 26 orang homoseksual di New York dan California telah dilaporkan menghidap satu penyakit barah yang juga jarang dilihat. Barah ini dipanggil barah kaposi. Kesemua homoseksual ini sihat-sihat belaka sebelum itu. Lapan

Lihat muka 14



POSTER memainkan peranan penting dalam menyedarkan masyarakat. Dalam gambar kelihatan sebahagian daripada poster-poster yang dipamerkan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan berangkat rasmi Mesyuarat Agung BASMIDA




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika bertitah merasmikan Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Membasmi Dadah (BASMIDA) yang dilangsungkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (kanan).

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah dialu-alukan oleh ahli-ahli Persatuan BASMIDA (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika menyaksikan pameran mengenai buku-buku dan risalah-risalah mengenai dadah yang dipamerkan pada hari tersebut. Dalam gambar kelihatan baginda mendengarkan penerangan mengenai salah sebuah bahan cetak yang disebarkan oleh Datin Masni binti Haji Mohd. Ali, Naib Yang Dipertua BASMIDA (bawah kanan).




GAM BAR-GAM BAR OLEH PENGIRAN BAHAR PHO




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menyaksikan sebahagian dari pameran yang dipamerkan pada hari tersebut (bawah).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berkenan menerima cenderamata yang dipersembahkan oleh Datin Masni binti Haji Mohd. Ali, Naib Yang Dipertua BASMIDA (kanan).


KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berangkat di pembukaan rasmi Mesyuarat Agung BASMIDA. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Mazuin (bawah).



DYTM Pengiran Isteri berkenan berangkat melawat Muzium Teknologi Melayu



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menandatangani buku lawatan Muzium Teknologi Melayu (gambar atas). Sementara gambar kanan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima penerangan mengenai salah satu pameran dari Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri, dengan diiringi oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berangkat menaiki salah sebuah rumah tradisi Melayu Brunei (atas). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia, menerima penerangan mengenai kehidupan tradisi Kampung Ayer dari Pengarah Muzium-muzium Brunei, Awang Haji Melussin.


Gambar-gambar oleh Pg. Bahar PHO



JALAN KOTA BATU, 1 Disember. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan berangkat melawat Muzium Teknologi Melayu yang terletak di Jalan Kota Batu di sini pada hari Khamis lepas.

Berangkat sama dalam lawatan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Amat Mulia

Pengiran Bini Mazuin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan kerabat-kerabat diraja yang lain telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Kebajikan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pckerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri dengan diiringi oleh Pengarah Muzium-muzium Brunei berangkat melawat galeri-galeri pameran Muzium Teknologi Melayu (atas). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam, berbual mesra bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Juga kelihatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Mazuin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam serta Pengarah Muzium-muzium Brunei, Awang Haji Metussin.



YANG Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah membuat lawatan ke kompleks bangunan baru suruhanjaya tinggi negara kita di Tanglin Road, Singapura. — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Bangunan baru Suruhanjaya Tinggi Brunei Darussalam di Republik Singapura

SINGAPURA. — YAH! Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah membuat lawatan ke kompleks bangunan baru suruhanjaya tinggi negara kita di Tanglin Road, Singapura.

Majlis doa selamat telah diadakan bersempena dengan pembinaan kompleks baru itu yang mana perletakan batu asas bangunan baru itu telah disempurnakan oleh Tuan Vang Terutama Dato Paduka Awang Haji Md. Yunus bin Haji Md. Hussein yang berlangsung di sana pada bulan Oktober lepas.



MODEL kompleks bangunan pejabat dan perumahan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Singapura yang baru

Usaha menghindarkan masyarakat dari penyakit AIDS

Dari muka 11

daripada penghidap penyakit ini maut dalam masa 24 bulan. Kejadian kedua-dua penyakit yang melanda remaja yang sihat sebelumnya telah mengesyorkan kejadian penyakit baru.

Faktor yang umum ke atas penyakit baru ini ialah semua yang terlibat terdiri dari golongan homoseksual. Selepas itu b.a*ulah didapati yang penyakit ini juga melanda penagih dadah intra vena, haemophiliac dan haitians. tetapi secara kecil-kecilan.


Sejak tahun 1981 jumlah kes-kes yang baru dikesan mulai meningkat. Jumlah kes-kes AIDS yang dilaporkan ke Penubuhan Kesihatan Sedunia pada bulan November 1984 ialah 34,448 dan pada bulan November 1988 kes-kes yang dilaporkan ialah 124,114. Kes-kes AIDS yang dilaporkan dari Benua Amerika ialah 84,693.

Betapa bahayanya penyakit ini dicontohi oleh kenyataan di mana di beberapa tempat di Amerika Syarikat kematian dari penyakit AIDS sama banyaknya dengan kematian oleh barah dan penyakit jantung dan beberapa kali gandanya banyaknya dari kematian akibat kemalangan jalan raya.

Siapa yang dijangkiti AIDS?

Di luar Benua Afrika. 90-95 peratus kes-kes AIDS terdiri dari lelaki sahaja dan 2/3 daripada mereka ini adalah golongan homoseksual dan bisexual.

Di Eropah pula 70 peratus kes-kes AIDS terdiri daripada lelaki, homoseksual dan bisexual. 12 peratus terdiri dari penagih dadah intravena. 2 peratus terdiri dari orang yang menerima pemindahan darah dan 8 peratus terdiri dari pesakit haemofilia.



SELAMATKAN Keluarga Awda Daripada AIDS begitulah salah satu tajuk poster yang dipamerkan sempena Hari Aids Sedunia pada 1 Disember yang lalu. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Jangkitan virus AIDS ke haemofilia terjadi kerana mereka ini menerima darah yang telah diberi oleh pesakit AIDS atau pembawa virus AIDS. Sejak ujian untuk mengesan vims AIDS ini digunakan pada tahun 1985 jangkitan seperti ini tidak lagi mudah berlaku.

Corak merebak penyakit ini di Afrika, Camben dan beberapa negara di Latin Amerika berlainan dengan di negara-negara yang telah membangun. Di Amerika Syarikat, Eropah, Kanada dan Australia, cara kuman ini merebak adalah melalui perhubungan homoseksual dan penggunaan dadah secara intravena. Di Afrika, Caribbean dan beberapa negara di Latin Amerika virus AIDS ini merebak melalui hubungan seks biasa (heteroseksual). Mangsa lelaki sama banyaknya dengan mangsa perempuan. Di negara yang telah membangun seperi di atas lelaki yang merupakan mangsa yang paling banyak penyakit AIDS. Kejadian penyakit sifilis, gonorea dan herpes yang begitu tinggi di negara-negara ini membantu penyakit ini merebak. 88 peratus dari pelacur-pelacur di Afrika dijangkiti virus AIDS. Jangkitan dari ibu ke anak damit yang baru lahir juga tinggi. Jangkitan ini terjadi semasa sesudah dilahirkan atau melalui susu ibu.

Jangkitan virus AIDS

Daripada kajian dan bukti-bukri yang diperolehi virus AIDS menjangkiti melalui:


- * Hubungan seks - homoseksual dan hetaroseksual.
- * Pemindahan darah atau bahan-bahan darah yang dicemari oleh virus AIDS.
- * Berkungsi jarum di kalangan penagih dadah intravena.
- * Dari ibu ke anak damit semasa dalam kandungan, semasa atau sesudah dilahirkan.
- * Virus AIDS ini didapati di air mani dan darah penghidap penyakit AIDS.

Tetapi tidak ada bukkii penyakit ini boleh dijangkiti melalui:

1. Pergaulan sosial biasa (bukan pergaulan seks), seperti berjabat tangan.
2. Pergaulan sehari-haridenganpenghidap penyakit AIDS seperti pergaulan di sekolah, tempat bekerja atau di rumah.
3. Memegang atau menyentuh benda-benda yang telah dipegang oleh penghidap penyakit AIDS, seperti cawan, piring, sudu, tuala, tangkai pintu dan sebagainya.
4. Batuk dan bersin.

Kuman virus AIDS ini rapuh, panas 60°C boleh membunuh virus ini. Kebanyakan kimia membasmi kuman pculntur yang dipakai di rumah-rumah membunuh virus ini.

Virus AIDS juga didapati di air liur, tetapi tidak ada bukti yang nyata yang virus AIDS boleh dijangkiti melalui air liur. Kebanyakan pesakit AIDS di mana darah mereka mengandungi virus AIDS didapati tidak mengandungi virus ini di air liur mereka.



YANG Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin, Menteri Kesihatan mendengar penerangan mengenai kedudukan AIDS di Brunei Darussalam oleh salah seorang pegawai. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Mengenai dengan pekerja-pekerja perubatan, satu kajian yang dibuat telah menunjukkan virus AIDS ini tidak didapati di dalam darah mereka walaupun mereka ini sentiasa sahaja berdamping dengan pesakit-pesakit AIDS. Dalam satu lagi kajian, di mana 1.750 pekerja kesihatan telah tercucuk jarum yang telah dicemari oleh darah pesakit AIDS hanya empat daripada mereka positif kepada ujian virus AIDS. Dari itu merawat pesakit AIDS tidak membawa risiko yang tinggi.

Apakah kemungkinan seseorang yang dijangkiti virus AIDS akan menghidap penyakit AIDS?

Dalam masa tujuh tahun di mana penyakit ini telah dikaji kira-kira 1/3 daripada orang yang dijangkiti virus AIDS menghidap penyakit dari ARC (AIDS RELATED COMPLEX) kepada penyakit AIDS yang serius. 2/3 daripada mereka yang dijangkiti virus AIDS ini tidak memberi kesan-kesan atau gejala-gejala yang mereka tidak sihat. Mereka ini sebenarnya, pembawa kuman virus AIDS, boleh menjangkiti orang lain dan berkemungkinan akan menghidap AIDS kemudian nanti.

Dalam masa 10-15 tahun peratus orang yang positif bagi virus AIDS yang akan menghidap penyakit AIDS sepenuhnya akan berkemungkinan lebih tinggi lagi. Boleh lagi 50 peratus atau 100 peratus mereka ini akan menghidap penyakit AIDS. Hanya masa sahaja yang boleh memastikan.

Tanda-tanda dan gejala-gejala AIDS

- * Persistent generalised lym-phadenopathy -- bengkak kelenjar limpa, di leher, ketiak, dan lain-lain.

- * Berasa lesu dan letih yang berterusan berminggu-minggu dan demam.
- * Demam dan berpeluh di waktu malam, berterusan berminggu-minggu.
- * Kurang berat badan, melebihi 10 neratus dari berat badan biasa.
- * Sentiasa susah bernafas dan batuk yang tidak berdahak berminggu-minggu.
- * Penyakit kulit — kaposi's sarooma, kurap, eczema, folliculitis dan lain-lain.
- * Kerosakan otak — tidak cergas dan her-maya, degresi/kernurungan dan dalam peringkat akhir dementia.

Tetapi walaupun seseorang itu ada tanda dan gejala seperti di atas tidak bermakna orang itu menghidap penyakit AIDS. Banyak penyakit lain, termasuk penyakit-penyakit biasa yang boleh memberi tanda-tanda dan gejala-gejala begini. Kalau awda runsing dan ragu-ragu her-jumpalah dengan doktor. Di Brunei Darussalam kita sudah ada mempunyai ujian bagi virus AIDS.

Cegahlah jangkitan AIDS

- * Jauhkan tlari perhubungan seks dengan mereka yang mempunyai risiko tinggi seperti pelacur, homoseksual dan penagih dadah.
- * Jangan salah gunakan dadah.
- * Membuat tatto mempunyai risiko di-jangkiti virus AIDS dan virus-virus lain seperti lilepatitis B.
- * Jika bertindak telinga pastikan alat penindik itu bersih dan telah di-steril.
- * Bagi orang yang dalam risiko tinggi jangan menderma darah.

fib

Mffftüisafli

miifffigfjp

ml

D K A M A in b i u p t k a n media seni yang her-
pengaruh dan amal berkesan kepada manusia. Ia adalah merupakan wadah dalam mengolah semula dan n i r i i g n n h . i l i k a n perwalakan manusia dalam penjelmaan yang diadun c i l dalam penulis.in ski l l > tersebut. l . < - b i h jauh d u i n u l i juga merupakan media seni yang paling berkesan uniuik menyampaikan tne sej dalam knnsr'p membawa manusia ke ai di hidup yang ideal dan lebih sempurna.

Seperti yang kua tahu pencilntan rancangan drama < l i pet khidm . i i . i n i a d i u adalah bahagian yang sudah bei . i . p . i k l . m . i . i . Kalau kita mahu menghasilkan buku lentang sknp di . l i i l . l radio ineui . i n g M H l i l l agak banyak jadiny . i . l i . l i i i i radio l i l i l l . i l l juga merupakan peranan yang dapat dijadikan in . l n dan M i k . u sukat dalam perkem . l i . i n g . t n bidang tulisan dan . . c m (l i . i i i i i i t u s e t i i t l i l l a m . l ' l l i e m u a k i t i mengenali bidang ini yang sejak dulu d l l M l l . t h k . l l l sebagai s a i - d i w . n . i radio sejak itu . l i h pula kita dapat melihat tuiutl naiknya nilai penghasilan V a n g d i h a n t a l kepada nreja

Radio Minggu Ini

Penulisan Skrip Drama Radio

penerbil.
PeuuHsan skrip drama radio bukanlah semudah yang d i s a n g k a . N a m p a k n y a mudah, senang tetapi bila diterokai ternyata tidak seperti yang disangkakan. Kerana itulah untuk menjadikan skrip v a n g t l i h a s i l k . m i t u banyak beigain ung kepada beberapa faktor tertentu seperti tenia, plot, p r r w a i a k . m , k a t a b u a l i a i t u dialog dan arahan serta efek lain Dengan adanya pengolahan v a n g b a i k mengikut l a k t o i tersebut, barulah boleh kita melihat se- jauh mana kemampuan yang dicapai oleh penulis tersebut. Dari sudut penulisannya juga, h a l m i a g a k b e f l a i n a n d a r i t a b a n g - t a b a n g penulisan seni s a s . t r i a l a i n . Penulis drama radio walaupun l i e r h a s i l m e n g g a r a p s e s e b u a h skrip, i l i m i i i i i s i p e n u l i s n y a harus

mengakui bahawa kejayaan karyanya itu adalah me-
rupakan hasil kerja kumpulan dari gabungan tenaga pener-
bit, pelakon, juruteknik.
bunyi, muzik dan efek.

Kalau kita amat-amati ten-
tang minat yang ditunjukkan oleh golongan penulis tanah-
air memanglah amat meng-
galakkan. Tentulah keadaan ini memerlukan panduan-
panduan yang membolehkan segala penghasilan oleh golongan penulis drama ini selari dengan kehendak penerbitnya.

M e n y e d i a atau menulis skrip haruslah bersih, mesti-
lab ditaip dengan kemas dan boleh dibaee oleh penerbit. Susunan menulis skrip drama radio tidak seperti menyediakan rencana, cerpen


ataupun puisi, susunannya adalah tersendiri. Dan ciri-
riri ini banyak membuka peluang terhadap penghasilan sesebuah skrip itu dapat diadun untuk dijadikan drama.

Bagi meningkatkan bakat penulisan ini, banyak pula hal yang membantu selain dari sering mengikuti drama-
drama radio yang disiarkan, juga ialah dengan selalu mengkaji skrip-skrip dari golongan penulis yang sudah mahir dan temama. Tidak dapat kita nafikan bahawa penghasilan v a n g t e r c i p t a d i dalam sebuah skrip drama radio itu adalah merupakan sumbangan penulis ke arah gambaran sikap dan ke-
miripan yang diinginkan un-
tuk dijadikan bahan percam-
bahan pemikiran masyarakat di sekelilingnya.



TA YANG AIM GAMBAR

TAYANGAN gambar 'Down The Long Hills' akan dapat disaksikan tayangannya pada hari Ahad 11 Disember bermula jam 11.00 pagi. Filem ini mengisahkan dua orang budak dan seekor kuda yang terselamat dari pembunuhan beramai-ramai oleh penumpang sebuah keretapi. Mereka terpaksa mengharungi hutan belantara Utah dan menghadapi pencuri-
pencuri kuda dan musuh-musuh lain untuk bertemu semula dengan keluarga. Filem ini dibintangi oleh Bruce Boxleitner, Tom Brown dan Lisa Macfarlane.



SEBUAH siri baru STAR TREK: THE NEW GENERATION akan dapat awda saksikan tayangannya pada hari Selasa 13 Disember bermula jam 7.35 malam dengan tajuk 'Encounter At Farpoint' bahagian pertama.



Mari Memasak Sarang keladi

Ha h a n - h a h a n n y a :

- 1 biji kehidi
- 1 biji lobak merah kecil

Bah;in 'A'

Vj sudu teh serbuk lima jenis
/t sudu teh lada putih
1 sudu makan gula
Vl sudu teh garam
Vi sudu teh serbuk perasa
I sudu teh makan tepung beras
Vi sudu teh soda bicarbonate atau tepung penaik
sedikit tepung gandum dan air

Clara Membuatnya:

1. Sediakan keladi dan l o b a k m e r a h d a n p o i n g halus.
2. G a u l k a n d e n a n b a h a n - b a h a n ' A ' . P e r a p k a n s e l a m a 1 l) m i n i t .
3. P a n a s k a n m i n y a k . c u c u r l a h b a h a n - b a h a n y a n g d i p e r a p k a n t a d i , s e p e r t i s a r a n g . G o r e n g h i n g g a g a r i n g .
4. K c l u a r k a n d a n h i a s l a h d e n g a n c a r a a w d a .

Sandiwara Radio

MM AKU YANG KAU PANGGIL SAYANG"

S ANDIWARA radio yang Sakan disiarkan di Radio Brunei pada minggu ini adalah berjudul "AKU VANG KAU PANGGIL SAYANG" hasil tulisan Misbah Munir, Brunei Darussalam.

Sandiwara radio ini mengi-
sahkan percintaan muda-
BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Napsi binti Amba kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Haji Sumadi bin Abdul Gani yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 13 Disember, 1988. pada jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percibaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas-

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 28 November, 1988.

No. 258/1988

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Fatimah binti Awang Salleh kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Gayah binti Awang Salleh yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah kakak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 13 Disember, 1988, pada jam 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percibaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 26 November, 1988.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengetrusi Lembaga Bandaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin seperti tarikh yang telah ditetapkan bagi membekalkan perkara-perkara yang tersebut di bawah untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba, Negara Brunei Darussalam.

- BIL. TAWARAN : 9/1988
Tajuk :
- "MEMBEKALKAN PERKAKAS-PERKAKAS PER-KHIDMATAN BOMBA"
- A. Delivery Fire Hose 64 tmm X 30 m (2V X 100") C/W 64 mm (2J") Light Alloy Instantaneous Coupling.
- B. Delivejy Fire Hose 38 mm X 23 m (1A X 75") C/W 64 mm (2V) Light Alloy Instantaneous Coupling with 38 mm (1i") Tail Piece.
- C. Suction Hose 101.6 mm X 2.4 m (4" X 8').
- D. Visor Helmet (Fire Fighter Helmet).
- E. To Supply 101 mm (4"i Face Shield.
- F. Stand Pipe ^Double End) Light Alloy C, ^V Key and Bar.
- G. Dividing Breeching 64 mm (2i") With Hand Control — Light Alloy.
- H. Ejector Pump — Light Alloy.
- I. Diposable Vinyl Pouch Model 347-1.
- J. Indoor Sports Surfaces For Badminton Porta Court.

Tarikh tutup : 19 Disember, 1988S.
Cagaran tawaran sebanyak \$200.00.

BIL. TAWARAN : 10/1988
Tajuk :

"FIRE SERVICES FOAM EQUIPMENTS"

A. Variable Foam Inductor Model IND 450.

B. Foam Master Branch Pipe Model F 450

C. Foam Master Medium Expansion Branch Pipe.

D. Blabbermouth B225 Branch Pipe.

E. AF 120 Mobile Foam Unit.

F. AAAF "Fluor© Foam" — 6% 90 Liter Capacity On Trolley.

G. FB 5X Foam Making Branch Pipe.

Tarikh tutup : 19 Disember, 1988.
Cagaran tawaran sebanyak \$200.00.

2. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan yang lebih lanjut boleh diperolehi dari Pemangku Pegawai Pemerintah Turus, Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Pos Kod 2032, Negara Bnjnei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
4. Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayarannya dengan wang tunai sahaja.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau tawaran yang tidak munasabah.

JABATAN PUSAT TAHANAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN - tawaran adaiah dipelawa untuk membekalkan barang-barang makanan yang belum dimasak (Uncooked Rations) untuk orang-orang tahanan di Pusat Taftarian lerudong bagi tempoh selama satu tahun mulai dari 1 Jun, 1989 hingga 31 Mei, 1990.

2. Butir-butjr lanjut dan borang mengenai dengan tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Pusat Tahanan, Jerudong, Bandar Seri Begawan 2005, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Mutu barang-barang yang dibekalkan itu mestilah mc-muaskan hati Penguasa Pu-sat Tahanan dan jika barang-barang itu tidak memuaskan, maka ia akan dikembalikan kepada pemborong dan diganti dengan yang baru atau yang lebih baik dengan harga yang sama. Daging mestilah tidak termasuk lemak dan tulang.

4. Semua barang - barang mestilah sampai ke Pejabat Pusat Tahanan, Jerudong tidak lewat dari jam 7.30 pagi pada tiap-tiap hari.

5. Pemborong boleh diber-hentikan atau memohon ber-

henti dengan memberi dua bulan notis secara bertulis.

6. Tawaran-tawaran hendak-lah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan berlak (sealed) serta ditulis dengan terang; "TAWARAN MEMBEKALKAN BARANG-BARANG MAKANAN UNTUK ORANG-ORANG TAHANAN DI PUSAT TAHANAN JERUDONG. NEGARA BRUNEI DARUSSALAM", tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 26 Disember, 1988.

7. Tawaran - tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran - tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN
RADIO TELEVISYEN BRUNEI

BIL. TAWARAN : JPP/Ot./1989

TAWARAN-tawaran akan diterima bagi pembekalan "new branded transmitting valves" yang dibuat oleh EIMAC atau English Electric Valve Co. di bawah tajuk :

SUPPLY OF EIMAC/ELY VALVES.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat J unit era Penguasa. RT'B semasa waktu. waktu bekerja, mulai dari tarikh penerbitan pemberitahuan ini sehingga 4 hari bekerja sebelum tarikh tutup tawaran.

BIL. TAWARAN ; JPP/02/1989

TAWARAN-tawaran akan diterima bagi pembekalan "new branded transmitting valves" yang dibuat oleh PHILIPS atau English Electric Valve GO. di bawah tajuk :

SUPPLY OF EIMAC/EEV VALVES.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Jurutera Penguasa. RT'B semasa waktu-waktu bekerja, mulai dan tarikh penerbitan pemberitahuan ini sehingga 4 hari bekerja sebelum tarikh tutup tawaran.

- SYARAT-SYARAT TAWARAN
1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihamar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang beralama, seperti di atas tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 9 Januari, 1989.
2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tiaak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul sural biasa yang bertutup tanpa menunjukan identiti p.mbckal di sampul sural tersebut. Bagaimanapun Bilangan Nombor Rujukan (Ref. No.1 dan tarikh tutup tawaran hendaklah ditulis dengan jelas.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan ketcrangan lanjut boleh didapati dengan membuat permohonan kepada Pengarah Penyiaran dan Penerangan UP: Jurutera Penguasa, Jabatan Penyiaran dan Penerangan (Radio Tclevisyyn Brunei), Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Bilamana dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, tawaran hendaklah menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
6. Jika cagaran tawaran dikehendaki, ianya akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang tulen (bona-fide tender).
7. Semua tawaran-tawaran, yang dimestikan memberi harga net CIF by Airfreight hendaklah menyatakan tarikh terakhir bagi pengiriman barang-barang/tarikh terakhir siap perkhidmatan (service). Jika pemborong yang berjaya gagal memenuhi tarikh ini maka Pengarah Penyiaran dan Penerangan adalah berhak membatalkan pembeliannya terutama sekali jika perkara serupa ini akan menjejaskan perjalanan operescn Radio Televisyen Brunei. Jika ini berlaku cagaran tawaran yang dibayar akan diambil milik.
8. Jaminan masa (warranty period) dan syarat-syarat hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam tawaran.
9. Ilarga-harga tawaran mestilah sah bagi tempoh sehingga sekurang-kurangnya 120 hari dari tarikh tutup tawaran.
10. Bagi pembekalan barang daripada syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam tidak dibenarkan dihantar terus kepada Jabatan Penyiaran dan Penerangan daripada pihak pembekal atau pncgeluar luar negeri dan oleh yang demikian mestilah memasukkan 20 peratus rukai import (jika dikenakan cukai).
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussa'am tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

TAWARAN dipelawa daripada pencetak-pencetak dari Kategori A dan B yang berdaftar dengan jabatan ini untuk mencetak buku-buku jabatan ini di bawah Kate-gori A dan B.

2. Dokumen dan peraturan-peraturan mencetak buku ini bolehlah diperolehi dari Bahagian Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjurur sebelah kiri sampul surat tersebut hendaklah dibubuh perkataan :

BIL : (3)/1988 TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP

4. Semua tawaran hendak-lah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam atau dikirim kepada :

Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan 1130 Negara Brunei Darussalam.

tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 26 Disember, 1988.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

BIL : MINDF.F/DDWS/MWSS/43/88
MENGENDALIKAN PROJEK :

SUPPLY AND INSTALLATION OF 2 NO DEHUMIDITERS BLDG 160, BOLKIAH GARRISON

BIL : DUP/88/Z/4037
MEMBEKAL : NOZZLE

BIL : MINDHF/DI'P/MTB/51/88
MEMBEKAL : 2 RING ELECTRIC COOKER

Syarat-syarat "Tawaran

a. Tawaran - tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran. lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pcrtahanan, Bangunan 150. Bolkiah Garison 2049, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari. hari Selasa 27 Disember, 1988.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran. Bahagian Tawaran dan OA, Jahatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pcrtahanan, Bolkiah Garison Bangunan 150 semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

C. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklan-kan dan tarikh tulup tawaran itu. Contoh - contoh atau katalog-katalog asai mestilah dihantar kc Unit Tawaran. Bahagian Tawaran dan QA, Jabatan-arjh Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pcrtahanan, Bolkiah Garison Bangunan 150. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pembe-kal adalah dikehendaki sebanyak S100.00 bagi tiap-tiap satu tawaran dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mcngctahui pembekal yang berjaya.

BIL : DFP/88/Y/842
MEMBEKAL : ENGINE OUTBOARD JOHNSON 140HP

BIL : DFP/SS/Y/843
MEMBEKAL : MOTOROLA MX SPARES

BIL : DFP/SS/Z/4028
MEMBEKAL : HOLDER FIELD MEDICAL CARD

BIL : DFP/SS/Z/4032
MEMBEKAL : LANDROVER SPARES

BIL : DFP/S8/Z/4036
MEMBEKAL : FLAG STATE

JABATAN TELEKOM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Rancangan : GDG 0028

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pembo-rong-pemborong Kelas A, B, atau C, yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran adalah bagi pemasangan / pembinaan Excavation for Laying Duct, Construction of Footway Joint Boxes and Erection of Steel Poles.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Peti Tawaran Tingkat Tiga. Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan 1150. Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 3.00 petang hari Rabu 14 Disember, 1988.

4. Tawaran-tawaran hendak-lah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda :

GDG 0028 — CABINET GAD 023 JALAN MENGLAIT PROVISION OF CONDUITS FOR SECONDARY DISTRIBUTION.

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut mengenaiya bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Isfana Darussalam, Bandar Seri Begawan

2051, dengan cagaran tawaran sebanyak \$400.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perluan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan / pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi tawaran dan bakal pemborong - pemborong pada jam 2.00 petang hari Khamis 8 Disember, 1988 bertempat di Ibusawat Lama, Jabatan Telekom, Jalan Sultan, Negara Brunei Darussalam.

8. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pembo-rong - pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan / pembinaan.

9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau dengan Cek Tempatan beserta dengan Bank Guarantee ataupun Pengesahan Bank.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM :
(Bilangan Kod : 106 15 — 955)
(Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).
Tanggagaji : B. 2 KB. 3 — \$227(-)\$424Q sebulan.
Kelayakau :

- a) i) Ija/ah Sarjana Muda dalam jurusan Perhubungan Awam, Social Science, Humanities atau yang sebanding yang diiktiraf oleh kerajaan. ATAU
- ii) Higher National Diploma dalam bidang yang bersesuaian serta berpengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun. ATAU
- iii) Sedang dan telah berkhidmai dengan kerajaan dalam Bahagian III dalam jawatan yang berkaitan yang tanggagajinya bermula dari C. 3 tidak kurang dan 5 tahun.
- bl Mempunyai pengetahuan dan pengalaman mengenai hal-ehual Perhubungan Awam adalah satu kelebihan.
- c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeiis dan momiliki kecpibadian yang baik.
- d) Boleh menulis dan membaca jawi dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Lic.riaiigguigjawab ••bagai Pegawai Perhubungan antara Kententeiaan Kefoudayaan, Belia dan Sukan di ugan k. meni i. un-kunt illeilian lain Uaii ajitaia K- ni-ntc nan K< budayaan, Belts dan Sukan dengan Iaba tan-jabatan Hi hawahriya
- I. Memberi I hidumal maMumat dan s< 'j.'ga! jurucakap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan menge-•n apa jug* perkara berkaitan dengan Kcnvnt'-n-an Kcbudaynan, Belia dan Sukan 1-pada mana-mana pihal.
- i i Men\Taras dan i'kerjasama dengan jabatan-jabat. ni di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mcngmaskinrkan kegiatan dan projek kementerian dan jabatan berkenaan.
- ii Memproses penerbitan-penerbitan kementerian dan menggalakkan/menrlitj penerbitan jabatan ti bawah Kiuii-nt' nan Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- c) Mengendalikan persiapan-pt-rsiapan dan lainnya jika ada iawatan-lawatan orang kenamaan dan luar negeri khususnya di kementerian ini.
- I Mengendalikan perjiimpaan-perjunipaan. rnuzakarah atau jamuan-jamuan yang dianjurkan oleh kementerian ini.

I. KETUA PEMBANTU TEKNIK :
(Bilangan Kod : 097 03 — 991)
(Di Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Kewangan, Ke.inenterian Kewangan).
Tanggagaji : C. 3-4 KB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kclayakan :

- a) Higher National Diploma atau TEC Higher Diploma atau yang sebanding dalam jurusan yang ber. sesuaian. ATAU
- b) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan tidak kurang dan 5 tahun dalam jawatan-jawatan yang berkaitan atau bersesuaian dan dalam sukatau tanggagaji sekurang.kurangnya C. 2, serta mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- 1. Mengendalikan proses permohonan-permohonan skim pinjaman perumahan bagi pegawai-pegawai kerajaan serta orang-orang yang berkelayakan.
- 2. Bertanggungjawab bagi pemeriksaan dan menyediakan laporan penilaian ke atas kemajuan pembinaan bangunan-bangunan yang dibina dengan pinjaman perumahan.
- 3. Bertanggungjawab terhadap kawalan mutu kerja, disiplin dan kesejahteraan bekerja kakitangan bawahan di Bahagian Pinjaman.

3. PEMBANTU PENYELIDIK :
(Bilangan Kod : 041 19 -- 295)
(Di Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).
Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.
Kclayakan :

- a) i) 1 mata pelajaran (tidak termasuk mata pelajaran seni lukis) Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran. ATAU
- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- b) Mempunyai bakat dan kecenderungan dalam kerja-kerja penyelidikan,
- C) Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- 1. Membantu menjalankan kerja-kerja yang diusahakan oleh Pegawai Penyelidik dan Pegawai Penyelidik Kanan.

- 2. Menyusun, menulis dan 'eonfile' kerja-kerja penyelidikan,
- 3. Membantu dan bekerjasama dengan pegawai-pegawai di Unit Penyelidikan dan unit-unit lain di pejabat ini, khususnya dalam usaha untuk mengungkapkahkan dasar dan matiamat penubuhan pusat sejarah.

4. PEMANDU KERETA TINGKAT KHAS :
(Bilangan Kod : 055 98 — 506)
(Di Jabatan Perhutanan, Kemente,rian Pembangunan).
Tanggagaji: , E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 ;ebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- b) Berpengalaman sebagai pemandu .sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat 1.
- e) Mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan lidak pe-rnah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- d) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

5. TUKANG MESIN MOTOSANGKUT ;
(Bilangan Kod : 104 34 — 367)
I Di Jabatan Pentadbiran daji Tenaga Manusia. Kemen-terian Pertahanan)
Tanggagaji : L. 3 LB. 4 — \$660-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan 3 tahun pengalaman ualam bidang yang berkaitan.
- b) Kebolehan yang terbukti sebagai Mekanik Moto-sangkut.
- c) Calon-calon yang berjaya adaiah juga dikehendaki memandu motosangkut.

f. MEKANIK MOTOSANGKUT :
i Bilangan Kod : 024 84 — 351)
(Di Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri1
Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.
Kelayakan :

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun,
- bi i • City and Guilds dalam Basic Engineering. ATAU
- ii) 3 tahun perkhidmatan daJam bidang kerja yang berkaitan.
- i) Boleh berenang tidak kurang dari 201 meter dengan cara bebas.

Lain-lain Syarat :

Ujian secara praktikal akan diadakan oleh jabatan ini bagi menentukan kebolehan pemohon.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Membaiki enjin motosangkut di bengkel jabatan ini termasuk merekod keperluan alat-alat ganti yang dipasang.
- b) Ikut bertugas bersama-sama pemandu motosangkut bagi perjalanan-pcxjalanan jauh.
- c) Bersedia menjalankan lain-lain tugas yang sclarai dengan jawatan ini.

7. PELATIH PENJADUAL :
(Bilangan Kod : 013 08 — 323)
(Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan)
Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- a) i) 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta 3 tahun pengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan. ATAU
- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Kera-ni Koding, Penjalan Operator DDE tidak kurang dari 5 tahun.
- b) Pengetahuan dan pengalaman dalam "TCL Computer and its Operating System" dan menggunakan bahasa komputer adalah diutamakan.
- e) Ujian "Aptitude Test" untuk calon-calon akan diberikan.
- d) Boleh menulis dan bertutur dalami Bahasa Melayu dan Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Membantu Penjadual dan Penganalisa Sistem dalam membuat programming.

8. PRANIDAYA :
(Bilangan Kod : 106 17 — 222).
(Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).
Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-1625 sebulan.
Kelayakan :

- a) i) 1 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran. ATAU
- ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkenaan.
- b) Boleh menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

- e) Mempunyai anggota fizikal yang sempurna.
- d) Mempunyai ukuran tinggi tidak kurang dari 1.524 meter (5 kakij dan berat tidak lebih dari 49.9 kg, (110 paun).
- cj Mempunyai pengalaman rerbukti di bidang seni tari merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- 1. Mengikuti. kelas-kelas latihan seni tari dan seni mak yang diaturkan.
- 2. Memenuhi undangan persembahan/pertunjukan kebudayaan.
- 3. Mengendalikan kegiatan-kegiatan dan penyelidikan secara sederhana yang berhubung kait dengan kebudayaan.
- 4. Melibatkan diri secara aktif dalam usaha perkembangan kebudayaan.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catalan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonka, mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Peikhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhid-mritar. Awan- >>gara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah diLembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sljil kepada Setiausaha, Suruhanjaya PerKnidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 200 Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 29 Disember, 1988.

Bilangan Pendaftaran : 537/1988 (E/789/86).

JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

pEN A WAR-penawar- ang berdaftar dengan Jabatan Stor da. Perbekalan Negara adalh diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran. Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130 sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 19 Disember, 1988, untuk menyediakan per-khidmatan dan membekalkan perkara berikut:

BIL. TAWARAN: 77/1988

Tyre Tubeless 'MICHELLIN'
Model XWX 205/65 X 15 — 300 Nos.

BIL. TAWARAN : 78/1983

Tyre 900 X 20 - 14 Ply
'Y98' or Equivalent (Bunga Halus) — 800 Nos.

BIL. TAWARAN : 79/1988

Tyre 6.50 X 16 - 8 Ply
'Y 45' or Equivalent (Bunga Halus) — 1.200 Nos.

BIL. TAWARAN: 80/1988

SPARES FOR BEAVER MODEL 74S
Pt. No. 3026
Coil, Ignition — 250 Nos.

BIL. TAWARAN : 81/1988

VALVE, GATE, BRASS/GM. SCREWED,
FEMALE TO B.S. TAPER THREAD
WITH CAST ALUMINIUM HANDWHEEL
1) Size: 2" (50mm) — 200 Nos.
2) Size: 4" (100mm). — 100 Nos.

BIL. TAWARAN: 82/1988

'ARMCO' GALVANISED CORRUGATED
INTER CHANGEABLE, NESTABLE PIPE,
COMPLETE WITH ACCESSORIES
Armco Culvert,
600mm dia. X 14G — 1,220 Mtrs.

BIL. TAWARAN : 83/1988

GALVANISED CONTINOUS BUTT WELDED
STEEL PIPE, TO BS 1387/1967, CLASS MEDIUM,
SCREWED AND SOCKETED ENDS, THREADED
TO BSPT, IN LENGTHS OF 20 FT. (6.10M),
THREADED ENDS TO BE PROTECTED AGAIN-
ST DAMAGE DURING SHIPMENT.
Size: 1i" (31mm) dia. — 400 Nos-

BIL. TAWARAN : 84/1988

TUBE
1) Size: 155 X 12, TR -13 — 100 Nos.
2) Size: 165 X 13, TR — 13 — 100 Nos.
3) Size: 175 X 13, TR -13 — 100 Nos.
4) Size: 185/70 X 13, TR - 13 — 100 Nos.
5) Size: 165 X 14, TR —13 — 100 Nos.
6) Size: 185 X 14, TR — 13 — 100 Nos.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Km 5A, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan 2010 semasa waktu bekerja.



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ceburilah Kerjaya Tentera Sebagai Pemimpin

NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA
TERLETAK DI TANGAN AWDA



PENGAMBILAN Bakal-Bakai Pegawai Lelaki dan Wanita Bertauliah Jangka Tetap dan Pendek di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bag's tahun 7988. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut: —

a. SYARAT-SYARAT BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI LELAKI

- 1) Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- 21 Awang-Awang mestilah lulus empat 14) Mata Pelajaran Peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Mata Pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi kc-utamaan.
- 31 Berumur 17} tahun hingga 25 tahun pada 21 April, 7988 dan mestilah masih bujang.
- 41 Berat badan tidak kurang 47.6 kg atau 105 paun, tinggi tidak kurang 7.55 m. atau 5 kak't 1 inci dan berbadan sihat.

b. SYARAT-SYARAT BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI WANITA

- II Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- 2) Dayang-Dayang mestilah lulus empat (4) Mata Pelajaran Peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Mata Pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- 31 Berumur 17} tahun hingga 25 tahun pada 21 April, 7988 dan mestilah masih bujang.
- 4) Berat badan tidak kurang 44.4 kg atau 98 paun, tinggi tidak kurang 1.47 m. atau 4 kaki 70 inci dan berbadan sihat.

Tarikh tutup permohonan adalah tidak lewat pada 21 April, 7988. Dan Borang-barang permohonan dan penerangan lanjut boleh di-dapati daripada :

PEJABAT PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
BOLKIAH GARISON 2049
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TELEFON: 30521 Samb : 22111/22112

c. Awang-Awang dan Dayang-Dayang mestilah memiliki Kad Pengenalan berwarna kuning dan mestilah tergolong salah satu puak jati Brunei yang tersebut di bawah ini:

- 7. Brunei 2. Tutong 3. Belait 4. Kedayan
5. Dusun 6. Murut 7. Bisaya

Pertubuhan Perkumpulan Perempuan WI Belait 'B' munculkan juara badminton

PERTUBUHAN Perkumpulan Perempuan WI Belait 'B' berjaya menjuarai Kejohanan Badminton Berpasukan antara persatuan-persatuan wanita Daerah Belait dan Tutong, apabila mereka menumpaskan Persatuan Pertiwi Belait 3-1 dalam perlawanan akhir di Dewan Kemasyarakatan Lembaga Bandaran Belait Ahad lepas.

Persatuan Pertiwi banya mampu memberikan cabaran melalui pasangan bergu ketiga mereka iaitu Dayang Hayati dan Dayang Amy yang menumpaskan pasangan bergu Dayang Hajjah Salbiah dan Dayang Laidab straight set 15-1, 15-1.

Sebelum itu pasangan bergu pertama WI. Davang Aminah dan Dayang Saban

menundukkan pasangan bergu pertama Pertiwi, Dayang Hajjah Naernah dan Dayang Rafeah 18-14, 15-9.

Kemudian pasangan bergu kedua WI, Dayang Hajjah Halimah dan Dayang Siti Mariam menundukkan kedudukan setelah menumpaskan pasangan bergu kedua Pertiwi, dan Dayang Siti Aisah dan Dayang Hasyah straight set 15-11, 15-4.

Setelah tewas dalam dua perlawanan, Pertiwi bangkit di perlawanan ketiga melalui pasangan bergu mereka untuk menahankan kemaraan WI yang sudah mengatasi mereka 2-0 dan dengan kemenangan itu kedudukan menjadi 2-1.

Kemudian Pertiwi menundukkan pasangan bergu ketiga WI, Dayang Hajjah Naernah dan Dayang Rafeah 18-14, 15-9.

perlawanan bergu keempat apabila pasangan bergu keempat WI, Dayang Hasnani dan Dayang Mida menumpaskan pasangan Pertiwi, Dayang Ramlah dan Dayang Noraini straight set 15-4, 15-2 dan seterusnya mengatasi Pertiwi 3-1.

Turut menyaksikan perlawanan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-undang dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PERTUBUHAN Perkumpulan Perempuan WI Belait 'B' munculkan sebagai juara setelah menundukkan Pasukan Pertiwi 3-1 dalam perlawanan akhir. — Gambar oleh Masmaleh Md. Ali.

Kejohanan Sepaktakraw Sedunia di Kuala Lumpur SKUAD NEGARA DIBARISI TIGA PEMAIN REMAJA

PERSATUAN Sepaktakraw Brunei (PESTA BARU) mengemukakan tiga orang pemain remaja dan mengemukakan seorang pemain senior untuk memberikan cabaran

di Kejohanan Sepaktakraw Sedunia (MALAYSIA - UTUSAN MALAYSIA - RTM) yang bermula Isnin lalu hingga Jumaat depan di Kuala Lumpur.



Kejohanan Ahat Haji Ismail

GEMA&SIKAN

Jurulatih Sepaktakraw, Awang Ben Taat Alias memberitahu sebelum berlepas ke kejohanan itu Sabtu lepas baha-A-a regu yang mewakili PEST A BARU itu adalah terdiri daripada pemain-pemain remaja Skim Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan hanya mengekal seorang pemain senior.

Katanya, sekabupun pemain-pemain itu belum berpengalaman, mereka telah berjaya memperlihatkan prestasi yang baik dan baru-baru ini berjaya memasuki peringkat separuh akhir Pesta Sukan Kebangsaan.

Jurulatih itu selanjutnya menerangkan bahawa pemain-pemain itu juga didedahkan menentang pasukan luar untuk menambahkan pengalaman mereka.

"Beberapa bulan lepas pemain-pemain remaja ini didedahkan bermain di Kuching dan menentang pasukan-pasukan terkuat di sana. Pendedahan cukup baik dan berkesan," jelasnya.

Menyentuh mengenai latihan sebagai persiapan kejohanan itu beliau menjelaskan latihan amat mencukupi di mana latihan dijalankan tiga kali seminggu secara berterusan manakala

latihan intensif terakhir dijalankan selama dua minggu.

"Latihan, sudah lama dijalankan dengan seminggu tiga kali manakala di akhir latihan pula kami mempersiapkan selama dua minggu," jelasnya.

Beliau menambah, "Corak latihan banyak menampilkan masalah skill dan team work iaitu kerjasama dalam satu regu termasuk penekanan mengenai bentuk ketahanan dan serangan manakala kombinasi mereka sungguh meyakinkan dalam semua segi."

Mengenai harapan, beliau yakin pemain-pemain negara itu akan berjaya mengatasi pusingan awal di mana pasukan negara berada bersama-sama dengan India, Sri Lanka dan Malaysia 'A'.

"Saya rasa Malaysia 'A' dianggap cabaran terkuat dalam kumpulan itu, bagaimanapun insya-Aallah jika semuanya berjalan dengan baik kita boleh masuk ke peringkat suku akhir," jelasnya dengan penuh yakin.

Tiga pemain remaja itu ialah Ak Ali Pg. Apang, Ismail Kali dan Md. Ali Haji Adi sementara pemain senior pula ialah Abdul Rahman Kahar.



SEMOGA berjaya... barisan pemain-pemain negara yang menyertai Kejohanan Sepaktakraw Sedunia di Kuala Lumpur. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



TAHNIH... Datin Hajjah Siti Hajar menyampaikan piala kejohanan bolajaring kepada Ketua Pasukan Pergigian di akhir perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan RIPAS, Jumaat lepas. — Gambar oleh Halim Sulaiman.

Kejohanan Bolajaring Kementerian Kesihatan

PASUKAN Pergigian munculkan sebagai juara kejohanan bolajaring pertama Kementerian Kesihatan apabila mereka menundukkan Pasukan

Makmal 15-10, dalam perlawanan akhir di Kompleks Sukan Rumah Sakil Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Jumaat lepas.



HAMPIR tepat... Penyerang Mekmal Hajjah Norlaila (jersey GS) membuat percubaan dekat Jarling dalam perlawanan akhir dengan pasukan Pergigian yang dimenangi oleh Pergigian 15-10. — Gambar oleh Halim Sulaiman.

Dalam pusingan pertama, Pergigian mendahului Makmal dengan 7-5. Penyerang utama Pergigian Dr. Marianah Mohandas Steven merupakan penjaring utama dalam pusingan itu dengan memperolehi lima jaringan manakala rakail penyerangnya Dayang Salbiah Sulaiman menumbangkan dua jaringan.

Pasukan Makmal hanya memperolehi lima jaringan iaitu tiga jaringan melalui Hajjah Norlaila Haji Suhaimi dan dua jaringan lagi melalui Dayang Amalina Haji Sidek.

Pergigian banyak menguasai permainan pusingan pertama itu dengan melancarkan percubaan-percubaan terutama melalui Salbiah Sulaiman. Bagaimanapun peluang-peluang itu gagal nienemui matlamatnya apabila percubaannya itu tersasar keluar.

Pasukan Makmal pula kebanyakannya tidak banyak mempunyai peluang terbuka untuk menjaringkan. Dalam pusingan pertama itu, barisan pemain tengah mereka kurang berkesan dengan kea-

daan itu menjadikan pergerakan mereka leinbab.


Dalam pusingan kedua, corak permainan Pergigian semakin terserlah terutama pasangan penjaring mereka Salbiah Sulaiman yang membuat tujuh jaringan. Di pusingan kedua ini Salbiah yang jarang dikawal begitu mudah membuat jaringan demi jaringan. Sementara Pasukan Makmal hanya berjaya membuat lima jaringan saja.

Perseoruan perlawanan itu banyak herpihak kepada Pasukan Pergigian di mana penyerang bahagian atas Pergigian bebas bergerak dan sekaligus berpeluang untuk mencetak jaringan. Penyerang bahagian atas Makmal pula tidak banyak bergerak disebabkan kawalan ketat barisan pertahanan Pergigian dan dengan itu menyebabkan kesukaran untuk menjaringkan.

Pemenang ketiga kejohanan itu disandang oleh Pasukan Kuala Belait 'A' yang menumpaskan Gabungan X-Ray 19-9. Sejumlah 13 buah pasukan menyertai kejohanan itu yang bermula pada 20 November lalu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika menyaksikan pameran mengenai kegiatan BASMIDA sepanjang tahun 1987-1988. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam sedang mendongar penorngan dnri Pongnrah Muzium-muzium Brunei, Awang Haji Metussin mengenai snlah satu bahan yang terdapat di MuZium Teknologi Melayu. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Sambungan dari muka I

BASMIDA akan bekerjasama dengan kerajaan basmi penyalahgunaan dadah

Konsert Anti Dadah yang bertajuk 'SEGALANYA UNTUKMU' yang diadakan pada 2 Julai lepas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha kemudian berkenan menerima cenderamata yang dipersembahkan oleh Naib Yang Dipenua Persatuan BASMIDA, Datin Dayang Masni binti Awang Haji Mohd. Ali dan daripada Pusat Bahagian Pemulihan Dadah yang dipersembahkan oleh Pemangku Ketua Pegawai Pemulihan Dadah, Dayang Mordiah binti Haji Jackia.

Sebelum beredar ke bilik pameran, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan menyaksikan persembahan koir lagu-lagu Anti Dadah dari album "SEGALANYA UNTUKMU" oleh penuntut-penuntut Sekolah Menengah SMJA.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dijunjung untuk menyaksikan pameran

mengenai kegiatan "BASMIDA" sepanjang tahun 1987-S 1989. kegiatan penuntut-penuntut sekolah, hasil kerjatangan penghuni-penghuni Rumah Al-Islah dan pnglibatan sckcor swasta dalam penyalahgunaan dadah.

Turut berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi-Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Mazuin serta kerabat-krabat diraja yang lain.

Turut hadir termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, diplomat-diplomat asing ke Negara Brunei Darussalam dan wakil-wakil dari pertubuhan-pertubuhan belia.

Persatuan BASMIDA ditubuhkan pada bulan April 1987 sebagai penambah dan penyumbang kepada usaha-usaha kerajaan dalam mcmcrangi masalah penyalahgunaan dadah.

BERAKAS. 4 Disember. - Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Membasmi Dadah (BASMIDA), Datin Masni binti Awang Haji Mohd. AH berkata, Persatuan BASMIDA adalah sebagai penambah dan penyumbang kepada usaha-usaha kerajaan dalam memerangi masalah penyalahgunaan dadah di negara ini.

Katanya, ia adalah merupakan satu persatuan sukarcia di peringkat kebangsaan yang bertujuan untuk memberi kesedaran rakyat tentang penyalahgunaan dadah melalui berbagai aktiviti dan kegiatan-kegiatan pendidikan pencegahan dan penerangan kepada masyarakat serta memupuk semangat tanggungjawab ber-

sama dalam menentang ancaman penyalahgunaan dadah.

Katanya lagi, BASMIDA telah dapat mencapai matlamatnya dalam masa yang singkat sejak pelancarannya tahun lalu melalui usaha gigih jawatankuasanya dan melalui hubungan yang erat dengan pihak swasta dan pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Pihak-pihak swasta yang lain telah menyokong usaha-usaha BASMIDA, dalam menerbitkan bahan-bahan penerangan melalui media cetak dan elektronik mengenai penyalahgunaan dadah saikotrofik seperti Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Hongkong and Shanghai Banking Corporation, Standard Chartered Bank, Dewan Perniagaan China, Avasta Printing, Asia Photo Service yang telah membantu BASMIDA," katanya.

BASMIDA katanya, dalam memperolehi kewangan telah menerima bantuan dari syarikat-syarikat seperti Fitzpatrick's dan Dairy Farm serta individu yang bermurah had menderma kepada BASMIDA.

Projek yang uiama dilaksanakan katanya lagi ialah menghasilkan sebuah album dan kasct lagu-lagu anti dadah yang bercorak kebruneian dan yang dicipta mengikut sclera masa.

Oleh Dk. Fatimah PHMN

"Melalui lagu-lagu ini, BASMIDA bcrysaah scdaya upaya untuk menyei apkan nilai-nilai mulia supaya disemaikan di hati para belia, lunas-lunas agama, horrnat-menghormati orang tua dan cintakan negara dan sikap membantu nit mbciuluiig penyalahgunaan dadah," tegasnya lagi.

Datin Maspi beuii ap demikian ketika majlis pembukaan rismi Mesyuarai Aguftg Persatuan Membasmi Dadah "BASMIDA" di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Scia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris bin Pengiran Maharaja Iela Pengiran Muda Abdul Kahar telah dilantik sebagai Yang Dipcrtua Pengerusi Persatuan BASMIDA di majlis mesyuarat agung pertamanya di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Naib Yang Dipcrtua ialah Datin Masni binti Awang Haji Mohd. Ali; Scctiausaha, Dayang Mordiah binti Haji Jackia; Penolong Scctiausaha, Dayang Nellie binti Haji Sunny; Bcndahari, Awang Victor Keasberry; Penolong Bcndahari, Awang Zaini bin Yunus; Pcgawai Publisiti, Dk. Fatimah binti Pengiran Ilaji

Md. Nihir; Pcgawai IVnye-lititk, Dayang Mastura binti Mohsin; Ahli Tetap, Supt. Ilajjah Intan binti Ii; Md. Kassim dan Auditor, Awang AiiifTm bin H]. Md. Noor.

Persatuan BASMIDA ditubuhkan pada bulan April 1988. Antara lain bcrtujuan akan kckal sebagai satu penubuhan bukan kerajaan yang tidak meinpunvai tujuan-tujuan politik. I any a juga untuk iicmbaiiuu scdaya upaya segala dasar-dasar kerajaan dalam usaha mcmcrangi dadah, masalah menghidu bahan-bahan hiduan dan lain-lain yang disalahgunakan.

Kempen kebersihan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kempena kebersihan bagi Dacrah Brunei dan Muara akan (literuskan lagi ke kawasan Perniagaan Cadong B yang akan diadakan pada hari Ahad 11 Disember bcrrnula jam 8.30 pagi.

Kawasan tersebut meliputi k a w a s a n - k a w a s a n pcrurnahan, perniagaan, bengkel dan perusahaan di Jalan Gadong seblah kanan bermula dari jambatan Gadong hingga ke Jalan Baru Ilighway Simpang 80 yang meliputi simpang-simpang 6, 24, 28, 38, 44 dan sekitarnya.

Hubungan dan kerjasama yang erat akan terus diperkukuh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri celah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara Siddhi Savetsila, Menteri Luar Thailand sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand dan Hari Kebangsaan Thailand yang jatuh pada 5 Disember lepas.

Dalam perutusan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berharap agar hubungan dan kerjasama yang erat antara Brunei Darussalam dan

Thailand akan terus diperingkatkan demi faedah dan manfaat rakyat kedua-dua buah negara dan juga ke arah memperluaskan kerjasama dan solidariti ASEAN.

Duli Yang Teramat Mulia terdahulu dari itu telah berkenan menghantar perutusan yang sama kepada Tuan Yang Terutama Tuan Rashid Abdullah Al-Nauimi, Menteri Luar Emirates Arab Bersatu sempena Hari Kebangsaan negara tersebut yang jatuh pada 2 Disember lepas.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Sahabzada Yaqubkhan sempena perlantikan Tuan Yang Terutama

selaku Menteri Luar Republik Islam Pakistan yang baru.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda agar dengan perlantikan itu akan membolehkan Tuan Yang Terutama untuk terus bekerjasama dalam konteks persahabatan dan kerjasama ke arah untuk mcningkatkan hubungan berbaik-baik antara Brunei Darussalam dan Republik Islam Pakistan bagi faedah negara dan rakyat kedua-dua buah negara.

Selamatkan Keluarga Kita Dengan Menjauhi Penyalahgunaan Dadah